

# PARLIMEN MALAYSI A

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEDUAABELAS 2011

Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian

HARI RABU : 30 MARCH 2011

CAWANGAN  
PERUNDANGAN PARLIMEN  
MALAYSIA.

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
JAWAB LIS AN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM  
DEWAN (SOALAN NO. 4,10 HINGGA 64 )**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 3 DAN 5  
HINGGA 9  
[RUJUK PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]**

SIDEK SANI  
CAWANGAN  
PERUNDANGAN PARLIMEN  
MALAYSIA

**SOALAN NO: 4**

**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAA  
N DARI PAD  
A TARIKH  
SOALAN**

**JAWAB LISAN**

Tuan Chong Chieng Jen [ Bandar Kuching ]  
30 MAC 2011 (RABU)

Tuan Chong Chieng Jen [ Bandar Kuching ] minta  
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS  
TANI

menyatakan apakah cara penyelesaian Kerajaan  
untuk mengatasi kekurangan pembantu nelayan  
untuk kapal nelayan lesen A dan B di Sarawak,  
memandangkan bahawa tiada tempatan  
yang sudi menjadi pembantu nelayan kapal lesen  
A dan B sedangkan Kerajaan mengharamkan  
pengupahan orang asing untuk dijadikan  
pembantu kapal nelayan lesen A dan B.

**JAWAPAN**

Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN  
INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC) melalui Institut Perikanan Malaysia telah melaksanakan Program Latihan Pertanian Kebangsaan yang bertujuan untuk melahirkan krew mahir Teknologi Perikanan Tangkapan yang berkebolehan, berkemahiran, berdaya saing dan berhemah tinggi untuk memenuhi keperluan tenaga di vesel-vesel penangkapan ikan tempatan. Antara kandungan kursus ini adalah seperti berikut:

- (i) Operasi dan tatacara penggunaan peralatan-peralatan elektronik, alat menangkap ikan dan perhubungan;
- (ii) Cara membuat dan merangka pukat tunda dan pukat jerut, rawai dan bubu;

- (iii) Kendali pelayaran vesel dan penggunaan carta laut;
- (iv) Laksana operasi menangkap ikan;

**SOALAN NO: 4**

- (v) Selenggara jentera/enjin dan vesel
- (vi) Amalan keselamatan di laut dan pencegahan kebakaran;
- (vii) Core-abilities, kepimpinan, motivasi dalam pengurusan kerja; dan
- (viii) Mengandungi 30 peratus teori dan 70 peratus amali.

Selain itu, Pusat Latihan Perikanan Tangkapan juga telah ditubuhkan di Tg. Manis, Sarawak sejak Jun 2010 di bawah program yang sama khusus bertujuan membantu meningkatkan kemahiran belia dan anak-anak tempatan yang berminat menceburkan diri dalam bidang perikanan tangkapan terutamanya industri perikanan laut dalam.

**SOALAN NO : 10**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B.  
DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARI PAD A                    TUAN LIEW CHIN TONG**  
                                       [ BUKIT BENDERA]  
**TARIKH                        30 MAC 2011**  
**SOALAN**

**Tuan Liew Chin Tong [ Bukit Bendera ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-**

- (a) perbezaan antara *National Health Financing Scheme* ( Skim Kewangan Kesihatan Nasional ) yang kini sedang diproseskan dengan NHFS yang pertama kali dicadangkan 20 tahun lalu dalam Rancangan Malaysia ke -4 (1981-1985); dan
- (b) sila nyatakan tempoh penyelidikan skim terkini dan nama-nama firma

**konsultan yang terlibat dalam penyelidikan tersebut dan peruntukan  
kewangan yang telah dibelanjakan sejak 1980-an**



Tuan Yang di-Pertua,

Pembentukan penjagaan kesihatan merupakan salah satu isu global yang penting yang telah dibincangkan sejak tahun 1980-an lagi. Dalam meneliti dan merancang reformasi sistem kesihatan negara, Kerajaan Malaysia juga tidak terkecuali dan isu ini mula dibincangkan pada tempoh Rancangan Malaysia ke 4 (1981-1985). Sejak 1980-an adalah dianggarkan sebanyak RM5.7 juta telah dibelanjakan bersama oleh Kerajaan dan pelbagai agensi pembangunan antarabangsa untuk maksud di atas.

Kajian pertama iaitu *Health Services Financing Study (HSFS)* dijalankan dalam tahun 1984/85 oleh Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri (UPE). Ianya lebih menekankan aspek pembayaran kesihatan dengan cadangan penubuhan dana untuk kesihatan dan peningkatkan fi pengguna (*user fees*). HSFS juga menyarankan agar agensi-agensi perlindungan sosial yakni KWSP dan PERKESO digabungkan untuk mengurus dana insuran kesihatan nasional yang digelar *National Health Security Fund (NHSF)*. Kajian itu juga menyarankan penswastaan fasiliti kesihatan kerajaan. Saranan pakar runding dalam kajian HSFS tidak digunakan oleh pihak kerajaan.

Sejak tahun 1980an hingga kini, banyak lagi pengetahuan dan pengalaman global tentang penstruktur semula sistem kesihatan telah dipelajari. Saranan-saranan tahun 80an itu telah banyak dipertikaikan dan bukti menunjukkan impak negatif ke atas sistem kesihatan yang mengimplementasi model sedemikian. Kini pihak kerajaan terutamanya Kementerian Kesihatan telah membangunkan konsep yang lebih mantap.

<sup>1</sup>Care for 1 Malaysia (1 Malaysia IPenjagaan) merangkumi penstrukturran

semula sistem kesihatan secara menyeluruh untuk memenuhi keperluan negara berpendapatan tinggi. Ianya memberi penekanan terhadap peningkatan kualiti perkhidmatan kesihatan, kesaksamaan dalam akses (kecapaian) kesihatan, dan pengembelingan tenaga pengamal perubatan dari sektor swasta dan awam. Dari segi pembiayaan sistem kesihatan, satu organisasi baru milik Kerajaan iaitu *National Health Financing Authority* (NHFA) akan dibentuk di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan untuk menguruskan dana kesihatan dan memastikan keutamaan terhadap pembiayaan perkhidmatan kesihatan yang saksama dan berkualiti serta efisien.

Setakat ini perancangan 1Care dibuat oleh pegawai KKM sendiri dengan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan tanpa menggunakan firma konsultan. Ianya mengambil kira analisa dan kertas kerja pakar perunding sejak 1980-an dan menggabungkan pengetahuan ini dengan amalan baik antarabangsa yang relevan untuk sistem kesihatan Malaysia. Penilaian konsep 1Care oleh pelbagai pakar antarabangsa juga memberi keyakinan bahawa usaha pegawai Kementerian sendiri telah menghasilkan konsep yang amat sesuai untuk keperluan negara. Akan tetapi, dalam fasa penyediaan *blueprint* 1Care, perkhidmatan pakar perunding yang mempunyai pengalaman mendalam dan terbukti dalam pelaksanaan penstrukturran semula sistem kesihatan akan diperolehi untuk komponen-komponen teknikal dan aspek-aspek tertentu di mana KKM belum mempunyai kepakaran.



NO. SOALAN : 11

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT  
PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS  
(2011)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA                    Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL  
[LIBARAN]**

**TARIKH                    30 MAC 2011 [RABU]**

**SOALAN :**

**DATUK JUSLIE BIN AJIROL minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah ada sebarang bentuk tindakan dari aspek perundangan terhadap sesiapa yang mengeluarkan fatwa sewenang-wenangnya kecuali dengan persetujuan Majlis Fatwa Kebangsaan sebagai mengelak memecah belahan perpaduan umat Islam di negara ini.**

**JAWAPAN: (Y.B. SENATOR DATO' DR. MASHITAH IBRAHIM, TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Menurut Seksyen 34 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505], tiada pernyataan yang dibuat oleh Mufti boleh diambil sebagai fatwa melainkan jika dan sehingga pernyataan itu disiarkan dalam fatwa mengikut subseksyen (1).**

**Oleh itu, mana-mana pemimpin politik atau individu yang sewenang-wenangnya mengeluarkan pandangan yang mengelirukan umat Islam demi untuk kepentingan politik atau individu tertentu yang memberikan pandangan**

**mengenai agama bukan dianggap sebagai mengeluarkan fatwa kerana ia hanya merupakan pandangan peribadi individu tersebut.**

Namun begitu, bagi Wilayah Persekutuan, tindakan boleh diambil terhadap pemimpin politik atau individu tersebut sekiranya mengeluarkan pandangan yang bertentangan dengan fatwa yang telah diwartakan seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 12 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 559] seperti yang berikut:

*Pendapat yang bertentangan dengan fatwa*

*“12. Mana-mana orang yang memberikan, mengembangkan atau menyebarkan apa-apa pendapat tentang ajaran Islam, Hukum Syarak atau apa-apa isu yang bertentangan dengan mana-mana fatwa yang sedang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. ”*

**Sekian, terima kasih.**

**PERTANYAAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

**TARIKH PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**      **TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN**

**ISMAIL 30 MAC 2011 (RABU)**

**NO.12**

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [ Machang ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah keuntungan yang diperolehi Kerajaan melalui dasar buka pintu dalam bidang pengajian tinggi terhadap kerjasama universiti-universiti asing dengan agensi pendidikan tinggi di Malaysia.

## JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui dasar liberalisasi pengajian tinggi, negara akan mendapat faedah dari aspek:

- i. peningkatan imej dan reputasi pengajian tinggi dengan penubuhan cawangan IPT ternama luar negara seperti *Monash University Malaysia*, *Curtin University of Technology Sarawak*, *Swinburne University of Technology*, *University of Nottingham Malaysia*, *Newcastle University Medicine Malaysia*, dan *Southampton Universiti Malaysia*.
  - ii. menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan pelajar antarabangsa. Pada tahun 2010, enrolmen pelajar antarabangsa dari 168 buah negara luar yang mendaftardi IPT tempatan adalah

**seramai 86,923 orang yang menyumbang kepada pendapatan negara sebanyak RM2.6 billion setahun.**

- iii. **peningkatan pemindahan teknologi dan ilmu pengetahuan melalui kolaborasi penyelidikan dengan universiti ternama luar negara.**

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN :JAWAB LISAN**

**DARIPADA** **Y.B. TUAN WILLIAM @  
NYALLAU ANAK  
BADAK (LUBOK  
ANTU)**

**TARIKH** **30 MAC2011**

**SOALAN**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakanberapa jumlah jalan luar bandar diluluskan untuk dibina dalam rolling pelan pertama RMK10 di kawasan parlimen Lubok Antu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah tempoh pelaksanaan rolling pelan pertama RMK10 (2011 - 2012) tiada projek Jalan Luar Bandar yang dilaksanakan di kawasan Parlimen Lubok Antu.

Walau bagaimanapun, Kementerian telah menerima dan menyenaraikan permohonan Yang Berhormat di bawah Rolling Pelan Kedua (RMKelO) bagi empat (4) projek jalan luar bandar seperti berikut untuk dilaksanakan pada tahun 2013

**SOALAN No : 13**

- a) Membina jalan ulu lemanak, Lubok Antu, Sarawak;
- b) Membina Jalan Ulu Skrang, Lubok Antu, Sarawak;
- c) Membina Jalan Ulu Engkari, Lubok Antu, Sarawak;
- d) Membina Jalan Engkilili ke Empelam & Terus ke Tawai, Lubok Antu, Sarawak.

NO:14

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

## PERTANYAAN

DARI PAD  
A LISA  
N TUAN KHALID  
ABDUL SAMAD [ SHAH ALAM ]

## SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan adakah Kerajaan Pusat bersedia untuk membantu menyelesaikan “*stand-off*” isu air Negeri Selangor.

JAWAPAN Tuan

Yang Dipertua.

Kerajaan Persekutuan sentiasa memberi sokongan dan kerjasama kepada Kerajaan Negeri Selangor bagi menyelesaikan isu penstrukturran semula industri perkhidmatan bekalan air di negeri Selangor. Melalui rundingan-rundingan yang telah diadakan, Kerajaan Persekutuan bukan sahaja telah mencadangkan pelbagai pendekatan bagi menyelesaikan isu ini, malah telah memberi persetujuan kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk melaksanakan model holistik yang dihasratkan oleh Kerajaan Negeri selagi ianya dilaksanakan secara “*willing seller, willing buyer*” dan menghormati perianjian konsesi yang rasih sah dan berkuat kuasa.

Namun demikian, isu ini masih tidak dapat diselesaikan sehingga kini dan tawaran terkini Kerajaan Negeri Selangor kepada syarikat-syarikat konsesi air di negeri Selangor yang berakhir pada 30 Januari 2011 juga tidak dapat menyelesaikan isu ini. Sebagai usaha terakhir, Kerajaan telah merangka satu model penyelesaian yang telah mengambil kira kehendak Kerajaan Negeri Selangor dan pada masa yang sama, dapat memastikan pengambilalihan syarikat-syarikat konsesi air dibuat berlandaskan prinsip "*willing buyer, willing seller*" dan menghormati perjanjian-perjanjian konsesi air sedia ada yang sah dan masih berkuat kuasa. Model tersebut akan menawarkan pakej lengkap penstrukturkan semula industri perkhidmatan bekalan air Selangor bagi memastikan segala isu yang berkaitan dengannya turut dirangkumkan dalam pakej tersebut. Melalui pendekatan ini, saya yakin, semua isu berbangkit mengenai industri perkhidmatan bekalan air negeri Selangor akan dapat diselesaikan demi kepentingan para pengguna di negeri Selangor.

Tuan Yang Dipertua,

Sukacita saya menekankan sekali lagi di Dewan yang mulia ini bahawa tawaran Kerajaan Persekutuan akan hanya dibuat sekiranya Kerajaan Negeri Selangor dapat memberikan komitmen dan menunjukkan keikhlasan dalam menyelesaikan isu ini. Saya juga menyeru supaya demi kepentingan rakyat di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Kerajaan Negeri Selangor akan benar-benar ikhlas memberikan kerjasama untuk bersama-sama menyokong dan melaksanakan cadangan yang akan dikemukakan ini. Tanpa keikhlasan dan komitmen Kerajaan Negeri,

penstrukturran semula industri perkhidmatan bekalan air negeri Selangor akan terus menjadi mainan politik Kerajaan Negeri Selangor yang jelas akhirnya akan terus menjaskan industri perkhidmatan bekalan air Selangor dan tidak menguntungkan seluruh pengguna air di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

\*\*\*\*\*  
**SJ.B/(95)**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA**           **DATO'**      **SERI HAJI**      **AZMI**      **BIN KHALID**  
                                **[PADANG BESAR]**

**PERTANYAAN :**      **LISAN**

**TARIKH**               **30.3.2011**

**Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [Padang Besar] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan Laporan-laporan Ketua Audit Negara yang dibentangkan dalam Parlimen setiap tahun, sering menyentuh projek-projek yang gagal, dan banyak daripada kegagalan ini menyentuh projek-projek yang dianugerahkan secara rundingan terus. Apakah perubahan-perubahan yang perlu dibuat untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan di bawah sistem ini.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

- 1. Kerajaan telah memutuskan supaya perolehan yang bernilai**

melebihi RM500.000 hendaklah dilaksanakan secara tender terbuka. Ini adalah untuk memastikan pemilihan kontraktor dibuat secara telus dan berdasarkan saingen terbuka serta menjamin Kerajaan mendapat tawaran yang terbaik. Bagi menjamin pengurusan perolehan yang efisien di agensi Kerajaan, pematuhan kepada peraturan perolehan yang berkuat kuasa adalah perlu bagi memastikan wang awam dapat diurus dengan baik (*good governance*) dengan mengekalkan ketelusan

1

pada setiap proses perolehan. Prosedur-prosedur dan tatacara perolehan telah digubal berdasarkan prinsip-prinsip kawalan kewangan awam bagi memastikan tidak berlaku sebarang penyelewengan serta untuk membantu melicinkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan.

2. Setiap Pegawai Pengawal/Ketua Agensi adalah bertanggungjawab untuk memastikan perolehan yang dilaksanakan oleh Agensi di bawahnya mematuhi peraturan dan prosedur yang ditetapkan serta memastikan pelaksanaannya adalah seperti yang dirancang melalui sistem kawalan dan pemantauan projek yang efisien dan berterusan. Tindakan yang bersesuaian hendaklah diambil oleh agensi ke atas kontraktor yang tidak melaksanakan tugasnya dengan baik berdasarkan kepada syarat-syarat dan terma-terma kontrak seperti mengenakan Ganti Rugi Yang Ditentukan dan Ditetapkan (*Liquidated and Ascertained Damages - LAD*) atau menamatkan kontrak, jika perlu.

3. Seksyen Pematuhan yang ditubuhkan di Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa akan

2

**melaksanakan pemeriksaan secara rambang ke agensi Kerajaan dan memantau pelaksanaan keputusan/kelulusan Kementerian Kewangan/Lembaga Perolehan/Jawatankuasa Sebut Harga untuk memastikan keputusan dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan serta projek-projek dilaksanakan dengan jayanya.**

**SOALAN NO.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA Y.B. DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB.**

**RAHMAN**

**KAWASAN PENGKALAN CHEPA**

**TARIKH 30 MAC 2011 (RABU)**

**SOALAN:**

**Y.B. DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN (PENGKALAN CHEPA) minta MENTERI KERJA RAYA**

menyatakan adakah projek sambungan jalan pantai daripada Tok Bali, Pasir Puteh ke Kedai Buluh, Kota Bharu telah dibatalkan, kalau tidak bilakah akan siap dan kenapa begitu lama tergendala.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua;

Projek Menaik Taraf Jalan Pasir Puteh/Gong Kulim/Tok Bali, Pasir Puteh, Kelantan telah dimulakan pada 1 Februari 2006 dan sepatutnya siap dalam tempoh 30 bulan, iaitu sehingga 31 Julai 2008. Walau bagaimanapun, projek ini telah diberikan 3 kali Tempoh Lanjutan Masa, iaitu sehingga 28 Mac 2010 disebabkan antara lain oleh faktor kenaikan harga bahan binaan di pasaran. Skop projek bernilai RM56 juta ini melibatkan naik taraf dan membina jalan baru sepanjang 12.5 kilometer dengan standard piawai JKR R5, 2 lorong 2 hala termasuk membina sebuah jambatan sepanjang 400 meter merentasi projek tali air Kemasin - Semarak.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, walaupun EOT telah diberikan tetapi pihak kontraktor masih berhadapan masalah untuk menyiapkan projek ini disebabkan oleh kelemahan dan ketidakcekapan pengurusan oleh kontraktor itu sendiri. Sehubungan itu, projek ini telah ditamatkan kontrak pada 28 Julai 2010 yang lalu. Semasa kontrak ditamatkan, kemajuan kerja dicatatkan di tapak ialah 72.9% berbanding 100% mengikut jadual. Pada masa kini jabatan Kerja Raya (JKR) telah selesai memanggii tender terhad bagi melantik kontraktor baru untuk menyiapkan baki kerja yang terbengkalai itu. Berdasarkan kepada perancangan, kontraktor baru dijangka akan memasuki tapak selewat-lewatnya pada bulan Mei 2011 dengan tempoh siap kerja ialah selama 18 bulan.

Seklan. Terima kasih.

Soalan No :17

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN                    LISAN  
DARIPADA                    Y.B. DATUK TIONG THAI KING  
                                  (LANANG)

TARIKH                    30.03.2011

SOALAN:

Y.B. DATUK TIONG THAI KING [ LANANG ] minta Menteri Pelajaran menyatakan

- (a) bilangan kekurangan guru yang dihadapi oleh sekolah rendah di seluruh negara mengikut sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan aliran Cina dan Tamil; dan
- (b) bagaimana Kementerian mengatasi masalah kekurangan guru untuk memantapkan sistem pendidikan negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

(a) dan (b)

Sehingga 28 Februari 2011, jumlah kekurangan guru bagi semua jenis sekolah rendah di seluruh negara adalah seramai 1,700 orang. Sehubungan itu, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa merancang dari semasa ke semasa untuk memastikan keperluan bekalan guru mencukupi bagi semua jenis sekolah sama ada di peringkat rendah atau pun menengah. Sebagai langkah jangka pendek bagi mengatasi masalah tersebut, KPM telah meluluskan pengambilan Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) berdasarkan data kekurangan semasa di setiap negeri. Selain itu, KPM juga turut melantik Kumpulan Guru Simpanan Kebangsaan (KGSK) sebagai tenaga pengajar di

sekolah-sekolah yang menghadapi kekurangan guru.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai langkah jangka panjang pula, KPM telah melatih guru-guru dengan pelbagai *mode latihan* perguruan. Antaranya;

- i. Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) - Mode Latihan Sepenuh masa;
- ii. Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) Mode Latihan Sepenuh masa;
- iii. Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) Mode Latihan Perguruan Bera saskan Sekolah (LPBS);
- iv. Program Ijazah Muda Pendidikan (B. Ed) Mode Latihan Sepenuh masa;
- v. Program Ijazah Sarjana Muda Pelajar Cemerlang (PPC) Mode Latihan Sepenuh masa;
- vi. Program Pensiswazahan Guru (PPG); dan
- vii. Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI-KDC) dan Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM-KDC) Mode Latihan Kursus Dalam Cuti bagi Guru Sandaran Tidak Terlatih untuk memenuhi mengikuti keperluan SJKC dan SJKT dan guru pendidikan Khas.

KPM berkeyakinan dengan pelbagai langkah-langkah yang telah diambil maka masalah kekurangan guru akan dapat diatasi secara berperingkat-peringkat.

**NO SOALAN : 18**

<u>PEMBERITAHUAN DEWAN RAKYAT</u>	<u>PERTANYAAN</u>
PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS (TELOK KEMANG)
TARIKH	30.03.2011 (RABU)

**SOALAN:**

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan atas pertimbangan apa tanah Lot 108, Jalan Ampang diserahkan kepada Syarikat Al-Hidayah yang melalui anak syarikat tersebut gagal menyiapkan Kem Transit dan Kem Rejimen Askar Wataniah di Kuala Lumpur yang dijadualkan siap pada Januari 2002.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah meluluskan Projek Penswastaan bagi menyiapkan Kem Transit dan Kem Rejimen Askar Wataniah di Kuala Lumpur dengan cara penukaran tanah balasan di Lot 108, Jalan Ampang. Penyerahan tanah balasan tersebut adalah berdasarkan kepada Perjanjian Penswastaan yang ditandatangani di antara pihak Syarikat Bakti Kausar Development Sdn. Bhd. dengan Kerajaan Malaysia pada 8 November 1997.

**NO. SOALAN : 19**

Projek Wisma Transit dan Kem Rejimen Askar Wataniah dilaksanakan oleh Syarikat Bakti Kausar Development Sdn.Bhd. Projek ini telah disiapkan sepenuhnya pada 11 September 2008 dan penyerahan tanah balasan telah dilakukan pada 3 Disember 2009.

*Mesy Pertama DR/1130.3.11-%20YB%20DATO%20KAMARUL%20BAHRIN%20[TELUK%20KEMANG]I/2;*

**NO. SOALAN : 19**

PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN  
DARIPADA DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI  
TARIKH HAMZAH (JASIN)  
DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH [ JASIN ] minta MENTERI  
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN  
menyatakan rasional mengurangkan kadar subsidi ke atas barang keperluan  
yang mana telah menambahkan beban kewangan ke atas golongan miskin  
dan apakah pula pendekatan/ inisiatif yang telah diperkenalkan untuk  
mengurangkan beban tersebut secara langsung.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian sentiasa mengkaji dan menyemak harga barang kawalan dari semasa ke semasa. Ini bagi memastikan harga sesuatu barang selaras dengan peredaran masa dan berdasarkan kepada perubahan harga bahan mentah komoditi di pasaran dunia. Seperti yang kita sedia maklum, faktor-faktor diluar kawalan Kerajaan seperti perubahan cuaca, bencana alam di negara pengeluar komoditi, dasar semasa negara pengeksport serta harga pasaran dunia memberi kesan secara langsung kepada perubahan harga sesuatu barang.

Walaubagaimana pun, bagi melindungi pengguna, Kerajaan masih mengekalkan elemen subsidi supaya rakyat tidak terbeban dengan kesan perubahan harga komoditi dunia yang menyebabkan kenaikan harga yang terlalu mendadak.

Bagi mengurangkan kesan kenaikan harga barang terhadap kadar inflasi serta mengurangkan beban pengguna, Kerajaan telah mengawal harga beberapa jenis barang asas seperti petrol, diesel, gula, tepung, minyak masak, gas petroleum cecair (LPG) dan beras yang memberi kesan langsung terhadap kos barang akhir yang lain. Walau bagaimanapun, kawalan harga ini melibatkan elemen pemberian subsidi oleh Kerajaan dimana perbezaan di antara harga sebenar dan harga kawalan ditampung oleh pemberian subsidi.

Dengan adanya elemen subsidi, rakyat kurang memahami mengenai harga pasaran semasa barang-barang kawalan serta keperluan bekalan dalam negara. Kenaikan harga bukan bermaksud untuk mengurangkan subsidi, sebaliknya disebabkan oleh faktor-faktor diluar kawalan Kerajaan yang telah dinyatakan.

Rasional Kerajaan melaksanakan pelarasan semula subsidi bagi gula dan bahan api baru-baru ini adalah:

1. Mengurangkan jurang perbezaan harga runcit bagi gula dan bahan api di Malaysia berbanding negara-negara jiran. Dengan perbezaan harga yang kecil, ketirisan gula dan bahan api bersubsidi melalui aktiviti penyeludupan dapat dikurangkan;
2. Mengurangkan beban tanggungan subsidi Kerajaan secara berperingkat-peringkat selaras dengan Model Ekonomi Baru. Hasil penjimatan subsidi tersebut boleh disalurkan bagi pembangunan sektor-sektor yang lebih memerlukan seperti pelajaran dan kesihatan;
3. Mendidik dan meningkatkan kesedaran rakyat mengenai keadaan sebenar situasi harga dan bekalan komoditi berkaitan. Ini kerana, harga

**NO. SOALAN : 19**

barang kawalan sering tidak memberi gambaran harga dan keadaan

sebenar tentang situasi bekalan serta kesan perubahan harga komoditi tersebut kepada rakyat.

**Tuan Yang Dipertua,**

Kerajaan amat prihatin mengenai kesan pelarasan semula subsidi terhadap golongan berpendapatan rendah. Sehubungan itu, antara inisiatif yang telah diperkenalkan untuk mengurangkan beban tersebut secara langsung adalah dengan:

1. Meneruskan Projek Pengedaran Barang-Barang Perlu seperti gula, tepung, minyak masak dan bahan api di kawasan pedalaman terutamanya di Sabah dan Sarawak;
2. Menjalankan Kempen Penurunan Harga dengan kedai-kedai runcit, pasaraya dan pasaraya besar;
3. Memperbanyakkan Kedai Harga Patut di seluruh negara; dan
4. Menjalankan Kempen Kuasa Pengguna yang mendidik pengguna mempraktikkan kuasa mereka dalam membuat pilihan barang yang ditawarkan pada harga yang berpatutan dan memberi nilai untuk wang (*value for money*).

**SOALAN NO :**

**20 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN                    LISAN**

**DARIPADA**

**TUAN MOHD YUSMADI  
BIN MOHD YUSOFF  
(BALIK PULAU)**

**TARIKH**

**30.3.2011**

**SOALAN**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan** jumlah pinjaman pendidikan Majlis Amanah Rakyat (MARA) sejak penubuhannya dan nilai tunggakan bayaran balik dalam tempoh yang sama.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang berhormat, sejak MARA ditubuhkan pada 1 Mac 1966, hampir **15 billion ringgit** itu **14 billion,942 juta, 836 ribu dan 578 ringgit** telah diperuntukkan bagi tujuan pinjaman pendidikan. Dengan jumlah peruntukan yang amat besar tersebut, seramai **383,195 pelajar** telah berjaya ditaja.

Manakala nilai tunggakan bayaran balik setakat 31 Januari 2011 adalah sebanyak **603 juta,932 ribu dan 744 ringgit** itu sekitar **enam peratus (6%)** sahaja dari jumlah pinjaman yang diberikan.

Pelbagai usaha telah diambil oleh MARA untuk meningkatkan jumlah bayaran balik pinjaman tersebut. Antara usaha yang dilaksanakan termasuklah:-

- a) mengeluarkan surat peringatan kepada peminjam;
- b) menyiaran senarai nama peminjam tegar di dalam surat khabar;

- c) menggunakan khidmat Agensi Kutipan Hutang (AKH) untuk menyenarai hitam peminjam dan penjamin apabila bayaran balik bertunggakan melebihi 36 bulan; dan
- d) mengambil tindakan undang-undang ke atas peminjam dan penjamin yang bertunggakan melebihi 48 bulan.

PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATUK IR HAJI IDRIS BIN HAJI HARON
	[ TANGGA BATU ]
TARIKH	30.03.2011

DATUK IR HAJI IDRIS BIN HAJI HARON [ TANGGA BATU ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan apakah bentuk mekanisme kawalan bagi memastikan warga asing tidak menyalahgunakan subsidi bahan api di stesen-stesen minyak di negara ini serta apakah bentuk hukuman yang boleh dikenakan kepada warga asing yang menggunakan RON95 yang bersubsidi.

#### JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Dalam usaha untuk mengelak penyalahgunaan subsidi bahan api di stesen-stesen minyak Kementerian telah mengeluarkan arahan larangan pembelian

petrol dan diesel kenderaan berpendaftaran asing seperti berikut:

- (a) Dilarang untuk membeli petrol RON95; dan
- (b) Dilarang membeli diesel melebihi 20 liter pada satu-satu masa di stesen-stesen minyak dalam lingkungan 50km dari sempadan.

Sehubungan itu, Kementerian sentiasa melakukan pemantauan secara berkala ke atas stesen-stesen minyak bagi mengelakkan berlakunya penyelewengan bahan api bersubsidi.

Untuk makluman ahli dewan, tindakan dan hukuman boleh dikenakan kepada pengusaha stesen minyak kerana melanggar arahan Pengawal Bekalan dibawah Peraturan Kawalan Bekalan 1961 yang membawa hukuman denda RM100,000 bagi individu atau RM250,000 bagi syarikat.

**SJ.B/(64)**

**PEMBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

<b>DARIPADA</b>	<b>TUAN JEFF OOI CHUAN AUN</b>
	<b>(JELUTONG)</b>
<b>PERTANYAAN :</b>	<b>LISAN</b>
<b>TARIKH</b>	<b>30.03.2011</b>

**Tuan Jeff Ooi Chuan Aun ( Jelutong ) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan**

^oiWi : 2^2-

- a) apakah impak pasaran pinjaman dana, bersabit keperluan pinjaman modal yang meningkat bersampingan pelaksanaan pelbagai *Entry Point Projects*; dan
- b) apakah unjuran Kerajaan tentang jumlah pengeluaran *Private Debt Securities (PDS)* dan sukuk bagi tahun 2011, khususnya bagi tujuan rombakan tanggungan hutang dan pinjaman semula menjelang Musim Keempat 2011.



**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pasaran modal mempunyai simpanan dan keciran yang tinggi dan mampu untuk membiayai keperluan pinjaman modal yang dijangka meningkat bagi membiayai pelbagai *entry point project* (EPP). Dari aspek makro ekonomi, Malaysia mempunyai jumlah tabungan negara yang mencukupi untuk membiayai pelbagai keperluan bersabit aktiviti pelaburan dan pembentukan modal. Kadar tabungan negara kasar (TNK) berada pada tahap 35.6% atau RM267 bilion dalam tahun 2010 berbanding pembentukan modal kasar berjumlah RM162 bilion. Lebihan sebanyak 13.9% atau RM104 bilion ini membolehkan negara membiayai pelaburan melalui sumber domestik. Unjuran TNK bagi tahun 2011 pula ialah sebanyak 35.7% atau RM289 bilion daripada Pendapatan Negara Kasar (PNK) dengan lebihan sebanyak 14.1% atau RM114 bilion daripada keperluan pelaburan domestik. Sebahagian besar TNK diperoleh daripada sektor swasta.

2. Dari aspek pembiayaan pelaksanaan pelbagai projek pelaburan, sehingga 31 Disember 2010, sistem perbankan mempunyai tahap simpanan sebanyak RM1.14 trilion. Negara juga berjaya mengekalkan jumlah dana yang diperoleh daripada pasaran modal oleh sektor swasta iaitu sebanyak RM50 bilion selama dua tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2009 dan 2010, di mana sebahagian besarnya melalui terbitan saham dan terbitan sekuriti hutang. Ini mencerminkan tahap keciran dan permintaan yang tinggi bagi instrumen sekuriti pasaran

modal di negara ini. Saiz pasaran modal juga melonjak kepada RM2.01 trilion pada Januari 2011, peningkatan sebanyak 23.41% berbanding Januari 2010.

3. Berdasarkan perangkaan di atas, pasaran modal negara seharusnya tidak mempunyai masalah dari segi keperluan pembiayaan bagi membiayai pelbagai projek EPP yang telah dirancang berdasarkan tahap simpanan dan kecairan yang tinggi.
4. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah terbitan sekuriti hutang swasta (*Private Debt Securities* atau PDS) dan sukuk pada tahun 2011 dijangka lebih tinggi daripada amaun RM54 bilion yang diterbitkan pada tahun 2010. Ini adalah selaras dengan pertumbuhan ekonomi yang semakin kukuh dan inisiatif pembangunan yang telah dilancarkan oleh Kerajaan di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP), di mana sebahagian besar daripada keperluan dana akan dibiayai dengan terbitan PDS dan sukuk. Angka-angka PDS dan sukuk yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti adalah sebanyak RM28 bilion bagi suku terakhir 2010 dan sebanyak RM9.6 bilion bagi dua bulan pertama 2011. Ia membayangkan aktiviti terbitan PDS dan sukuk yang lebih tinggi pada tahun ini.
5. Dari segi rombakan tanggungan hutang bagi sektor korporat, Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (*Corporate Debt Restructuring Committee*, CDRC), yang ditubuhkan dalam tahun 2009 untuk menjadi forum sukarela bagi penyelesaian masalah hutang syarikat-syarikat besar, telah pun menerima permohonan daripada 17

syarikat swasta dengan tanggungan hutang sebanyak RM3.3 bilion dalam tempoh tahun 2009 hingga 2010.

6. Dari segi pinjaman semula, dianggarkan sebanyak RM26.5 bilion PDS dan sukuk akan matang sepanjang tahun 2011. Adalah dijangkakan sejumlah besar daripada PDS dan sukuk yang akan matang pada tahun 2011 akan dipinjamkan semula oleh syarikat penerbit.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN  
OLEH Y.B. DATO' SRI LIOWTIONG LAI MENTERI KESIHATAN  
MALAYSIA**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>TUAN KAMALANATHAN A/L</b>
	<b>PANCHANATHAN</b>
	<b>[HULU SELANGOR]</b>
<b>TARIKH BERSIDANG</b>	<b>30 MAC 2011</b>
<b>SOALAN</b>	

Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan [ Hulu Selangor ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan dalam RMK-10, Kementerian telah meluluskan pembinaan satu hospital KK 3 di Bukit Sentosa, Hulu Selangor, bilakah projek ini akan bermula. Adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk membina sebuah lagi hospital di kawasan Batang Kali di mana kawasan tersebut mempunyai jumlah penduduk yang ramai.



**Tuan Yang Dipertua,**

**Kementerian Kesihatan Malaysia akan mengemukakan permohonan untuk membina sebuah Klinik Kesihatan Jenis 3 Bukit Sentosa di Hulu Selangor di dalam Second Rolling Plan Rancangan Malaysia Ke-10. Sekiranya diluluskan projek ini akan dimulakan pada tahun suku tahun kedua 2012 dan dijangka siap pada 2014. Bagi jangka masa terdekat, terdapat 2 buah Klinik 1 Malaysia yang telah dibuka di Bukit Sentosa dan Taman Bunga Raya yang telah mula beroperasi sejak Mei2010.**

**Buat masa ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tiada perancangan untuk membina sebuah hospital di kawasan Batang Kali memandangkan telah terdapat sebuah hospital sediaada iaitu Hospital Kuala Kubu Bharu dan kerajaan merasakan hospital ini masih dapat menampung keperluan penduduk setempat buat masa ini.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B.  
DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN  
DARIPADA**

**: LISAN  
TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA**

**NO. SOALAN: 25**

[ PADANG TERAP

]

TARIKH BERSIDANG  
SOALAN

30.03.2011

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [ Padang Terap ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan

- (a) jumlah peruntukan bagi pembinaan Wad Kecemasan Hospital Kuala Nerang dan bilakah tender dikeluarkan serta syarikat yang terpilih; dan
- (b) bilakah akan dimulakan.

Tuan Yang Dipertua,

Status pelaksanaan projek Naiktaraf Unit Kecemasan Hospital Kuala Nerang adalah seperti berikut:

- (i) Peruntukan yang diluluskan : RM 5 juta
- (ii) Tarikh tender: 21 September 2010
- (iii) Status : Menunggu Lembaga Tender bersidang

Projek ini dijangka akan dimulakan pada penghujung bulan Mac 2011.

**NO.AUM NO.**

**AUP : S'**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN                    LISA  
DARIPADA DATUK              N  
                                    BUNG      MOKTAR      BIN      RADIN      [  
                                    KINABATANGAN ]**

**TARIKH      30 MAC 2011**

**RUJUKAN    3538**

**SOALAN:**

**Datuk Bung Moktar bin Radin [ Kinabatangan ] minta **MENTERI  
DALAM NEGERI** menyatakan**

- (a) tindakan tegas Kerajaan dalam menangani isu-isu berbau perkauman yang dibangkitkan oleh golongan tertentu dan tindakan Kerajaan dalam menangani kejadian-kejadian yang mengakibatkan kekeliruan serta bibit-bibit perpecahan di kalangan rakyat di negara ini; dan
- (b) langkah positif dan proaktif dalam menghadapi lambakan permohonan kewarganegaraan Malaysia.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kinabatangan yang mengemukakan pertanyaan.**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, bagi menjawab soalan (a), Kementerian memandang serius tindakan oleh mana-mana pihak yang cuba menimbulkan babit-babit perpecahan dan ketegangan kaum di negara ini. Sebagai sebuah negara berbilang kaum dan agama, tindakan sebegini tidak boleh dilakukan bagi menjaga keharmonian dan perpaduan kaum di negara ini.

Sehubungan dengan penyebaran artikel-artikel berbaur perkauman dan hasutan sama ada melalui surat khabar, majalah, internet, Sistem Pesanan Ringkas (SMS) dan mesej bergambar (MMS), ingin saya menasihatkan agar semua pihak hendaklah berhati-hati dalam membuat sesuatu kenyataan yang boleh menyentuh sensitiviti kaum lain.

**Tuan Yang Dipertua,**

Bagi menjawab soalan (b) pula, Kementerian Dalam Negeri menerusi Program Transformasi Kerajaan (GTP) mensasarkan supaya proses permohonan warganegara dilaksanakan dalam jangka masa yang ditetapkan oleh Petunjuk Aras Prestasi Kementerian (KPI).

Pendekatan KPI ini yang bermula pada tahun 2008 terbukti berkesan

**melalui kejayaan Kementerian menyelesaikan permohonan tertunggak**  
sebanyak 32,927 yang diterima dari tahun 1997 hingga 2006 (10 tahun)  
dalam tempoh setahun. Bagi permohonan yang diterima pada tahun 2007  
hingga 2009 iaitu sebanyak 29,677 pula telah berjaya diselesaikan pada  
tahun 2010.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian  
mensasarkan proses permohonan warganegara diselesaikan dalam tempoh  
setahun dari tarikh permohonan lengkap diterima sebagai langkah  
penambahbaikan KPI.

**SULIT**

No: 26

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATO'SERI ZAHRAINMOHAMED HASHIM [ BAYAN BARU ]
TARIKH	30 MAC 2011 (RABU)

Soalan:

Dato<sup>1</sup> Seri Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ] minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan apakah peranan dan sumbangan syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) terhadap pembangunan bola sepak secara khusus dan lain-lain sukan di negara ini.

**JAWAPAN**

1. Bagi sukan bola sepak hanya syarikat GLC Telekom Malaysia (TM) telah menjadi penaja Liga Malaysia dengan sumbangan kira-kira RM9 juta setahun kepada FAM sepanjang dua penggal penajaan (2002 hingga 2010). Untuk makluman, bagi Liga Malaysia musim 2011 - 2014, FAM telah mendapat penajaan daripada pihak Astro berjumlah RM220 juta apabila melantik Astro Media sebagai rakan media sekali gus ejen pemasarannya.
2. Namun bagi lain-lain sukan, semenjak Program Rakan Sukan (PRS) diperkenalkan pada tahun 1994, hanya 2 daripada 25 buah syarikat yang bersama 24 buah Persatuan Sukan Kebangsaan masih kekal sehingga kini iaitu PROTON bersama Persatuan Badminton Malaysia (BAM) dan PETRONAS bersama Persatuan Bola Keranjang Malaysia (MABA).

**SULIT 1**

**SOALAN NO : 27**

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MALAYSIA**

**PERTANYAAN :LISAN**

**DARIPADA**

**YB DATUKDR MARCUS MOJIGOH  
(PUTATAN)**

**TARIKH**

**30.3.2011**

**SOALAN**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan:-

- (a) Bilakah cadangan projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dan Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) bagi Pulau Gaya akan dilaksanakan: dan
- (b) Apakah rancangan / cadangan jangka panjang Kerajaan Pusat untuk menyusun semula rumah-rumah yang dibina di atas air agar ia kelihatan indah di mata pelawat (sesuai dengan kedudukan KKIA sebagai pintu masuk kedua Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Pemasangan Paip Bekalan Air ke Pulau Gaya Fasa 1 sedang di peringkat penyediaan rekabentuk terperinci dan penentuan spesifikasi bersama Jabatan Air Negeri Sabah (JANS). Setelah semua keperluan dan spesifikasi projek dikenalpasti, Kementerian menjangkakan projek akan ditender pada pertengahan tahun 2011.

#### **JAWAPAN**

Bagi pelaksanaan Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) Sambungan Kabel Dasar Laut ke Pulau Gaya, pihak Kementerian telah menyenaraikannya untuk pelaksanaan pada tahun 2011. Pada masa ini, proses tender sedang berjalan dan Kementerian menjangkakan bahawa tarikh pemilikan projek bermula pada 15 Mei 2011 dan akan disiapkan dalam tempoh 14 bulan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini turut melaksanakan Program Penempatan Semula Kampung (PSK) yang tertumpu kepada penempatan semula kampung-kampung yang tidak tersusun dan yang terlibat dengan bencana alam seperti banjir dan kebakaran.

Kumpulan sasar bagi program ini adalah golongan miskin dan miskin tegar sahaja. Oleh yang demikian, cadangan Yang Berhormat untuk menyusun semula rumah bagi tujuan pelancongan adalah tidak termasuk di bawah skop program ini.

**NO. SOALAN: 28**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL**  
**[SUNGAI PETANI]**

**TARIKH : 30 MAC 2011 (RABU)**

**SOALAN:**

**Y.B. Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta PERDANA MENTERI**

**menyatakan;**

- a) **Senaraikan semua nama-nama penasihat-penasihat di semua Koridor Ekonomi yang telah dilantik oleh Kerajaan yang dibayar gaji;**
- b) **Senaraikan jumlah gaji dan elaun yang mereka perolehi dan berapa lamakah kontrak mereka.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

- a) **Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Sungai Petani, Kerajaan telah melantik Y.A.Bhg. Tun Abdullah Ahmad Badawi, mantan Perdana Menteri sebagai Penasihat Pembangunan Koridor Negara dan Y.B. Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim sebagai Penasihat Khas kepada Y.A.B. Perdana Menteri mengenai Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER).**
- b) **Pelantikan Y.A.Bhg. Tun Abdullah Ahmad Badawi sebagai Penasihat Pembangunan Koridor Negara berkuatkuasa pada 15 Jun 2009. Beliau dibayar elaun bulanan berjumlah RM10,000.00 serta kemudahan-kemudahan lain seperti elaun hotel, perjalanan dan sebagainya semasa menjalankan tugas rasmi tertakluk kepada Ketentuan Elaun-elaun dan Keistimewaan-keistimewaan Bagi Bekas Perdana Menteri seperti termaktub dalam Akta Ahli Parlimen (Saraan), 1980**

(AKTA 237). Manakala pelantikan Y.B. Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim pula sebagai Penasihat Khas kepada Y.A.B. Perdana Menteri mengenai Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) berkuatkuasa mulai 22 September 2008 dengan pelanjutan untuk tempoh 2 tahun mulai 22 September 2010 hingga 21 September 2012. Dalam tempoh tersebut, beliau dibayar bayaran perkhidmatan sebanyak RM23,020.00 sebulan.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT  
PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS  
[2011]**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA                    Y.B. DATUK                    SAPAWI BIN HAJI AHMAD  
(SIPITANG)**

**TARIKH                    30 MAC 2011**

**SOALAN**

**Datuk Sapawi bin Haji Ahmad (Sipitang) minta PERDANA MENTERI menyatakan usaha-usaha Kerajaan membantu Guru Kelas Agama dan Fardu Ain (KAFA) terutama dari skim perkhidmatan mereka untuk menjamin masa depan kerjaya mereka .**

**JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sentiasa mengambil berat dan prihatin terhadap masa depan kerjaya Guru-guru**

ovn:

Agama sama ada yang mengajar di Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA), Sekolah Agama Negeri (SAN) dan Sekolah Agama Rakyat (SAR).

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah menaikkan elauan guru-guru KAFA dari RM500 kepada RM800 seperti pengumuman Y.A.B. Perdana Menteri pada 15 Oktober 2010 semasa membentangkan Bajet 2011 dan berkuatkuasa pada awal Januari 2011, selain peruntukan tambahan dari negeri-negeri masing-masing

Dari segi skim perkhidmatan pula, JAKIM sedang berusaha ke arah mewujudkan Skim Perkhidmatan Guru-Guru KAFA dalam tempoh jangka panjang. Kajian serta penelitian dibuat dari semasa ke semasa dengan mengambil kira pertimbangan daripada pelbagai aspek seperti kedudukan ekonomi negara, taraf perkhidmatan guru-guru tersebut serta syarat kelayakan iaitu memiliki sijil SPM/4 thanawi dan sijil agama yang diiktiraf dan setaraf dengannya. Usaha-usaha memertabatkan perkhidmatan guru-guru KAFA ini memerlukan penelitian yang serius supaya tidak ada guru-guru KAFA sedia ada yang tersisih daripada kewujudan skim ini.

Sekian, terima kasih.

SJ.B/(66)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ**

**( SUNGAI SIPUT )**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH 30.03.2011**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj ( Sungai Siput ) minta MENTERI**

**KEWANGAN** menyatakan bagaimana Bank RHB dapat menjual rumah beralamat 390 Tmn Lintang, Sg Siput U, Perak DR, yang ditarik batik daripada En Parthiban a/l Krishnan (KP 730919-08-5439) dengan harga RM24,880 sahaja manakala harga terendah untuk rumah di taman itu adalah RM40.000.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, tindakan melelong harta tanah oleh pihak bank merupakan langkah terakhir yang diambil oleh pihak institusi perbankan selepas segala usaha menuntut bayaran tertunggak gagal diperolehi daripada peminjam.

2. Sebelum tindakan lelongan dijalankan, adalah menjadi amalan di dalam industri perbankan di mana pihak bank akan melantik



juru nilai yang bertauliah untuk membuat penilaian ke atas hartanah yang dicagarkan kepadanya. Dalam proses ini, pihak juru nilai akan membuat penilaian ke atas hartanah tersebut berdasarkan nilai pasaran dan juga *forced sale value*. Untuk tujuan lelongan tersebut, pihak bank akan mengambil kira nilai rizab lelongan berdasarkan nilai pasaran.

3. Sekiranya lelongan yang dijalankan gagal mendapatkan pembida, maka pihak bank akan meneruskan tindakan lelongan yang kedua pada tarikh yang akan ditetapkan kemudian. Untuk lelongan yang kedua ini, nilai rizab lelongan yang ditetapkan oleh pihak bank akan dikurangkan sebanyak 10% daripada nilai rizab pada lelongan yang pertama sebelum ini. Proses ini akan berterusan sehingga pihak bank menemui pembida yang berminat.

4. Untuk makluman Yang Berhormat, orang awam sentiasa disarankan untuk mengambil tindakan proaktif untuk berbincang dengan institusi perbankan mereka sebarang masalah sama ada untuk menstrukturkan atau menjadualkan semula pinjaman yang bermasalah atau yang berkemungkinan akan menghadapi masalah. Sekiranya pertimbangan yang sewajarnya masih tidak dicapai dengan institusi perbankan mereka, orang awam boleh merujuk kepada Bank Negara Malaysia melalui saluran berikut:

a) BNMLINK, Blok D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn,  
50480 Kuala Lumpur

b) BNMTELELINK

Tel: 1-300-88-5465 Fax:03-2174

1515 • Email:

[bnmtelelink@bnm.gov.mv](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.mv) SMS:

15888



**NO. AUM :**

**NO. AUP : (**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN                    LISAN**

**DARIPADA DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ [SRI GADING]**

**TARIKH        30 MAC 2011**

**RUJUKAN      3435**

**SOALAN:**

**Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [ Sri Gading ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik penagih dadah yang telah direkodkan mengikut kaum dan jantina dari tahun 2005 hingga 2010 dan berapa peratus yang kembali menagih setelah dibebaskan dari pusat pemulihan dadah.**

**JAWAPAN:**  
**Tuan Yang Dipertua,**

**Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sri Gading yang mengemukakan pertanyaan.**

**Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan maklumat yang dikeluarkan oleh Sistem Maklumat Antidadah Kebangsaan (BIONADI) AADK, menunjukkan seramai 110,275 penagih telah dikesan sepanjang tahun 2005 sehingga Jun 2010. Dari keseluruhan jumlah tersebut 98 % atau 107,905 orang adalah lelaki dan 2% atau 2,370 orang daripadanya adalah wanita.**

**Pecahan mengikut komposisi kaum pula, daripada jumlah tersebut kaum Melayu merupakan kaum yang teramai iaitu seramai 81,716 orang atau 73%, 13% atau 14,214 orang adalah kaum Cina dan 9.5% atau 10,266 orang adalah dari kaum India. Bumiputra Sabah dan Sarawak mencatatkan jumlah penghuni seramai 2,706 orang dan lain-lain kaum seramai 1,115 orang.**

**Untuk makluman Yang Berhormat juga, untuk tempoh tersebut, secara purata sebanyak 49% penagih menagih semula setelah tamat mengikuti rawatan dan pemulihan di pusat pemulihan setiap tahun. Situasi sebegini telah dijangka memandangkan penagihan merupakan satu penyakit kronik yang berulang dan ianya diakui oleh badan-badan dunia. Antaranya, *United States National Institute On Drugs Abuse (NIDA)***

yang meletakkan penagihan semula adalah pada kadar 40% ke 60% setiap tahun. Selain itu, kepulihan secara menyeluruh merupakan satu proses yang melibatkan beberapa kitaran penagihan semula.

Walau bagaimanapun, AADK sentiasa menjalankan pelbagai program khas bagi membantu mengurangkan kes-kes berulang dan tegar seperti:

- i) Memperkenalkan program Terapi Gantian Menggunakan Metadon (MMT);
- ii) Menawarkan perkhidmatan Rawatan dan Pemulihan dadah secara terbuka tanpa implikasi perundangan di Klinik Cure and Care 1 Malaysia;
- iii) Menyediakan perkhidmatan lanjutan di Pusat Khidmat Cure and Care (CCSC) di daerah-daerah seluruh negara;
- iv) Menyediakan perkhidmatan pengawasan dan jagaan lanjutan untuk membantu bekas-bekas penagih supaya dapat mengekalkan kepulihan dan menjalani kehidupan dalam masyarakat secara normal; dan
- v) Mewujudkan Rumah Komuniti yang dikendalikan sepenuhnya oleh pihak NGO bagi membimbing dan membantu penagih-penagih yang ingin mendapatkan bantuan di dalam komuniti.

**SOALAN NO. 32**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN                    JAWAB**

**LISAN**

**DARIPADA :                    TUANNGA KOR MING (TAIPIING)**

**TARIKH                        30 MAC 2011 (RABU)**

**SOALAN**

**Tuan Nga Kor Ming (Taiping) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan secara terperinci jumlah perbelanjaan yang terlibat dalam penganjuran *First Ladies Summit* di Malaysia pada tahun 2010 dan apakah prestasi pencapaiannya.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sidang Kemuncak Wanita-Wanita Pertama telah diadakan di Kuala Lumpur dari 11 hingga 13 Oktober 2010 dengan penyertaan sebanyak 28 buah negara. Seramai 14 orang Wanita Pertama, 20 orang Menteri dan 200 delegasi asing telah menghadiri Sidang Kemuncak ini. Kos sebenar penganjuran Sidang Kemuncak peringkat antarabangsa ini adalah sebanyak RM4,498,949.99.

Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mengambil inisiatif menganjurkan Sidang Kemuncak ini pada tahun 2010 bagi meningkatkan kerjasama di peringkat antarabangsa khususnya dalam bidang pembangunan kanak-kanak. Penganjuran Sidang Kemuncak Wanita-Wanita Pertama ini telah membawa banyak faedah kepada negara kerana ia telah berjaya menjadi satu platform bagi Wanita-Wanita Pertama untuk berkongsi

pengalaman dan amalan terbaik dalam pembangunan kepimpinan kanak-kanak, mewujudkan hubungan pelbagai hala dan memperkuatkan jaringan persahabatan Wanita-Wanita Pertama.

Selain itu, Sidang Kemuncak ini juga telah berjaya mengeratkan hubungan 2 hala dengan 28 buah negara peserta dan meningkatkan kedudukan negara di persada antarabangsa sebagai sebuah negara yang peka terhadap agenda pembangunan kanak-kanak. Melalui Sidang Kemuncak ini juga, Malaysia telah mengetengahkan peranan yang boleh dimainkan oleh Wanita-Wanita Pertama dalam menyokong perubahan strategik yang memberi penekanan kepada inisiatif komuniti seperti bidang kepemimpinan, pendidikan, kesedaran gender dan pembangunan sosial secara keseluruhan.

Sidang Kemuncak ini telah menghasilkan satu deklarasi iaitu *Declaration of the First Ladies Summit “A Child Today, A Leader Tomorrow”* yang telah diterima oleh semua negara peserta. Deklarasi tersebut menggariskan 3 perkara utama yang perlu diberi perhatian dalam pembangunan kepimpinan kanak-kanak iaitu pendidikan, peranan keluarga dan peranan komuniti. Deklarasi tersebut menjadi rangka kerja bagi setiap negara peserta untuk merancang modul pembangunan kepimpinan kanak-kanak.

Untuk pengetahuan pihak Yang di-Pertua selanjutnya, Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York telah mengemukakan Deklarasi Sidang Kemuncak Wanita-Wanita Pertama 2010 tersebut kepada Presiden Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada 21 Januari 2011. Seterusnya ia telah melalui proses penyelarasian format dan alih bahasa daripada

Bahasa Inggeris kepada lima lagi bahasa rasmi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu bahasa Sepanyol, Perancis, Arab, Russia dan Cina (Mandarin) serta diedarkan kepada negara-negara anggota sebagai dokumen rasmi di sesi ke-65 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 15 Mac 2011.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN :JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

**Y.B.TUAN HASBI BIN  
HABIBOLLAH  
(LIMBANG)**

**TARIKH**

**30 MAC2011**

**SOALAN**

**Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wiayah**

menyatakan dan patuhkah Kerajaan melaksanakan pembinaan Jalan Ulu Lubal dalam RMK10 untuk dimanfaatkan oleh sebuah Klinik Desa, 2 buah Sekolah Kebangsaan dan 4 buah rumah panjang di kawasan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian telah menyenaraikan projek pembinaan Jalan Ulu Lubal di bawah Rolling Pelan kedua (RMKedO) dan pelaksanaannya dijangka bermula pada 2013.

**NO. SOALAN : 34**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA                    Y.B. DATO' HAJI WAN     ABD RAHIM BIN WAN  
                                  ABDULLAH [  
                                  KOTA BHARU ]**

**TARIKH                    30 MAC 2011**

**SOALAN:**

**Y.B. DATO' HAJI WAN ABD RAHIM BIN WAN ABDULLAH minta PERDANA MENTERI menyatakan rasional perpindahan 3 pusat pembuangan undi di bahagian pilihan raya negeri DUN Tenang dalam PRK 30 Jan 2011.**

JAWAPAN:

**DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemindahan tiga pusat mengundi adalah disebabkan oleh proses persempadanan semula yang dilaksanakan oleh SPR sepanjang masa dan secara kebetulan ia berlaku pada Pilihan Raya Kecil N.05 Tenang. Tambahan pula pusat-pusat tersebut tidak berada dalam bahagian pilihan raya DUN Tenang sebaliknya berada dalam bahagian pilihan raya DUN Bekok. Justeru, pemindahan Pusat-pusat Mengundi tersebut terpaksa dilakukan mengikut peruntukan Undang-undang dan ia melibatkan Sekolah

*U*

Kebangsaan Seri Kabis ke Dewan Serbaguna Kampung Paya Merah, Sekolah Jenis Kebangsaan Jenis Labis ke Sekolah Menengah Kebangsaan Kamarul Ariffin dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Labis ke Dewan Bola Keranjang Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung Labis.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHU PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN LISAN**

**DARIPADA      TUAN    KHAIRY    JAMALUDDIN    30.3.2011**

**TARIKH                 (RABU)**

**KAWASAN               REMBAU**

**NO. SOALAN            35**

**TUAN    KHAIRY    JAMALUDDIN    minta  
MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI  
menyatakan strategi dan langkah dalam tahun 2011 bagi  
memastikan momentum kenaikan kemasukan pelaburan asing  
sebanyak USD7.0 bilion pada tahun 2010 berbanding USD1.4  
bilion pada 2009 dapat dipertahankan dan apakah kadar  
pelaburan sebenar yang telah dibuat berbanding komitmen  
pelabur pada tahun lalu.**

**Jawapan:**

**Tuan Yang Dipertua,**

Pada tahun 2010, Malaysia telah berjaya menarik semula pelaburan asing (FDI) setelah kemerosotannya secara global pada tahun 2009. Laporan *Global Investment Trends Monitor*, dengan izin, yang dikeluarkan oleh UNCTAD telah melaporkan bahawa kemasukan FDI ke Negara ini telah meningkat dari US\$1.4 bilion pada tahun 2009 kepada USD\$7.0 bilion pada tahun 2010. Peratusan kenaikan tersebut sebanyak 409.7 peratus merupakan yang tertinggi dicatatkan di dalam rantau ini. Negara-negara lain di Asia Tenggara dan Asia Timur telah mencatatkan peningkatan peratusan FDI yang lebih rendah, seperti Indonesia dengan kenaikan peratusan FDI sebanyak 162.7 peratus, Singapura (122.7 peratus), Thailand (14.2 peratus) dan China (6.3 peratus). India pula telah menunjukkan penurunan sebanyak 31.5 peratus.

Menurut Imbanqan Pembavaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Statistik Malaysia, kemasukan pelaburan asing untuk keseluruhan 2010 adalah RM27.6 bilion atau US\$8.9 bilion. Jumlah ini merupakan peningkatan sebanyak 535.7 peratus berbanding tahun 2009 yang telah merekodkan kemasukan FDI sebanyak US\$1.4 bilion. Angka tersebut adalah angka sebenar kemasukan FDI.

**Tuan Yang Dipertua,**

Kerajaan sentiasa mempergiatkan usaha untuk memastikan momentum kenaikan FDI di Malaysia dapat dikekalkan. Di antara langkah-langkah yang telah diambil adalah:

- Memperkenalkan program bagi memacu pertumbuhan ekonomi negara termasuk Program Transformasi Kerajaan (GTP), Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang mengandungi sistem pemantauan pertumbuhan ekonomi yang kukuh;
- Memperkenalkan 12 bidang ekonomi utama negara (NKEA) yang diwangka akan menarik pelaburan yang tinggi ke Malaysia;
- Menjalankan aktiviti promosi penggalakan pelaburan dan perdagangan yang lebih agresif bagi menarik lebih banyak pelaburan tempatan dan asing;
- Menubuhkan Jawatankuasa Pelaburan yang dipengerusikan bersama oleh Menteri MITI dan Ketua Pegawai Eksekutif PEMANDU bagi memastikan koordinasi yang lebih baik di antara semua agensi

Kerajaan dan swasta berkaitan bidang pelaburan bagi mencapai sasaran yang ditetapkan di bawah ETP;

- Menjadikan MIDA sebagai agensi penggalakan pelaburan utama bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan. MIDA juga telah dikorporatkan dan diberi kuasa untuk membuat keputusan secara “real time” ketika berunding dengan para pelabur yang berpotensi;
- Menubuhkan Unit Perlaksanaan Industri Daerah (DIIU) bagi memantau perlaksanaan projek di peringkat daerah dan menyediakan bantuan yang diperlukan bagi mempercepatkan proses kelulusan.
- Menyediakan bantuan kepada para pelabur dalam bentuk aktiviti "handholdina", dengan izin, bagi mengurangkan birokrasi, mempercepatkan kelulusan dari agensi-agensi berkaitan dan meningkatkan kadar pelaksanaan projek yang telah diluluskan;
- Menubuhkan Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan atau (PEMUDAH) bertujuan untuk

meningkatkan lagi sistem penyampaian kerajaan dan juga untuk menqatasi isu birokrasi yang wujud di dalam urusan di antara pihak swasta dan Kerajaan;

- Memperkenalkan pakei-pakei insentif tambahan untuk pengecualian cukai korporat kepada sektor-sektor industri yang strategik dan bidang-bidang baru dan berteknologi tinggi seperti sektor sumber tenaga alternatif, 'advanced electronics', bioteknologi, photonik, peralatan perubatan, ICT, aero-angkasa dan petrokimia; dan
- Menawarkan galakan insentif tambahan seperti insentif kali kedua kepada svarikat-svarikat yang sedia ada bagi menggalakkan projek pembesaran dan diversifikasi di Malaysia.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tempoh 2005 hingga 2010, sejumlah 5,648 projek perkilangan yang telah diiuluskan dengan pelaburan bernilai RM155.1 bilion telah dilaksanakan setakat 31 Disember 2010. Daripada jumlah tersebut, RM97.7 bilion (63%) adalah pelaburan asing manakala RM57.4 bilion (37%) adalah pelaburan domestik. Pecahan projek-projek yang

dilaksanakan adalah seperti berikut:

- 4,185 (74.1%) projek telah beroperasi dengan nilai pelaburan RM132.1 bilion di mana RM83.4 bilion (63.1%) adalah pelaburan asing manakala RM48.7 bilion (36.9%) adalah pelaburan domestik; dan
- 258 (4.6%) projek adalah di peringkat pembinaan kilang dan pemasangan ientera dengan nilai pelaburan RM23 bilion di mana RM14.3 bilion (62.2%) adalah pelaburan asing dan RM8.7 bilion (63.1%) adalah pelaburan domestik.

Daripada 4,185 proiek yang sedang dalam pengeluaran, 637 projek telah memulakan pengeluaran pada tahun 2010. Projek-projek dalam peringkat pelaksanaan ini mewujudkan sebanyak 431,313 peluang pekerjaan. Daripada jumlah ini, 405,233 (94%) adalah daripada proiek-proiek yang telah beroperasi manakala selebihnya adalah daripada proiek-proiek yang masih di peringkat pembinaan kilang dan pemasangan ientera.

***Slo***

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT. MALAYSIA**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang</b>
<b>KAWASAN</b>	
<b>TARIKH</b>	<b>Marang</b>
<b>NO. SOALAN</b>	<b>30.3.2011 (Rabu)</b>

Dato' Seri Abdul Hadi bin <sup>36</sup>Awang [ Marang ] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah sebabnya kedudukan urus tadbir korporat dan daya saing negara terus jatuh ke tangga 26 dari tangga 24 pada tahun 2009 / 2010 dan di tangga ke 19 pada tahun 2008 / 2010. Jelaskan juga langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan dalam membaiki kedudukan ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Malaysia berada di tangga ke-26 dari segi daya saing global seperti yang dilaporkan di dalam *Global Competitiveness Report (GCR) 2010-2011* oleh *World Economic Forum (WEF)*. Walaupun kedudukan Malaysia

menurun dari tempat ke-24 ke tempat ke-26 daripada 139 ekonomi tetapi pada hakikatnya, Malaysia masih mengekalkan indeks skor pada 4.88 berbanding 4.87 pada tahun 2009. Kedudukan ke-26 ini masih meletakkan Malaysia dalam *quartile* pertama, dengan izin, di antara negara-negara yang paling berdaya saing.

Tuan Yang Di Pertua,

Tidak dinafikan terdapat faktor-faktor yang boleh ditambahbaik seperti Pendidikan Tinggi dan Latihan (tempat ke-49), Institusi (ke-42), Kesediaan Teknologi (ke-40) dan Kecekapan Pasaran Buruh (ke-35). Pada masa sama terdapat juga beberapa faktor yang telah menyumbang ke arah peningkatan daya saing negara. Analisa oleh *GCR* menunjukkan Malaysia mempunyai pasaran kewangan yang maju (*well-developed*) (tempat ke-7), kemudahan untuk mendapatkan pinjaman (ke-10), kemudahan pembiayaan melalui ekuiti tempatan (ke-11), dan pasaran barang yang efisien (ke-27). Malaysia juga mencapai kedudukan yang baik di dalam kategori-kategori yang lebih kompleks yang menjadi keutamaan pada negara-negara maju, seperti kecanggihan perniagaan (ke-25) dan inovasi (ke-24). Ini adalah satu petanda yang baik untuk masa hadapan negara kita. Malaysia juga berada di kedudukan yang baik dalam perolehan kerajaan bagi produk-produk berteknologi tinggi (ke-8) dan perbelanjaan

syarikat bagi penyelidikan dan pembangunan (ke-16).

Tuan Yang Di Pertua,

Terdapat beberapa laporan daya saing antarabangsa lain yang mencatatkan peningkatan daya saing Malaysia contohnya *World Competitiveness Yearbook (WCY) 2010* yang dikeluarkan oleh Institute for Management Development (IMD) yang meletakkan Malaysia di tempat ke-10 di kalangan 58 ekonomi. Berdasarkan kedudukan tersebut Malaysia berada di kalangan negara-negara yang paling berdaya saing bersama-sama dengan Singapura, Hong Kong, Amerika Syarikat, Switzerland, Australia, Sweden, Kanada, Taiwan dan Norway. Mengikut laporan ini, Malaysia mencatatkan pencapaian yang memberangsangkan bagi Kecekapan Perniagaan (ke-4), Prestasi Ekonomi (ke-8), Kecekapan Kerajaan (ke-9) dan Infrastruktur (ke-25).

Selain daripada laporan di atas, laporan *Doing Business 2011* yang diterbitkan oleh Bank Dunia juga menunjukkan peningkatan prestasi daya saing negara iaitu di tempat ke-21 berbanding pada tahun sebelumnya iaitu di tempat ke- 23 di kalangan 183 negara. Merujuk laporan tersebut, Malaysia menduduki tempat teratas dalam bidang Mendapatkan Kredit dan tempat ke-4 dalam bidang Melindungi Pelabur. Dalam meneliti laporan-laporan antarabangsa mengenai daya saing negara adalah lebih baik

jika gambaran keseluruhan diambil kira agar penilaian dapat dibuat dengan menggunakan pendekatan yang lebih seimbang.

Tuan Yang Dipertua,

Antara langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk meningkatkan daya saing negara adalah seperti berikut:

- i. Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang memfokus kepada usaha memperkuuh persekitaran perniagaan, membanteras rasuah, memperbaiki infrastruktur, mempermudah prosedur kerajaan di samping memperkuuhkan sistem pendidikan. Selain itu, Kerajaan juga telah mempertingkatkan peranan agensi kerajaan seperti pengkorporatan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA). Pengkorporatan tersebut bertujuan memperkasakan MIDA untuk berunding terus dengan bakal pelabur di samping memberi fleksibiliti kepada MIDA untuk menarik dan mengekalkan bakat yang diperlukan

**supaya menjadi sebuah agensi pelaburan yang kompetitif di peringkat antarabangsa;**

- ii. Melalui usaha-usaha yang dijalankan oleh Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) untuk mewujudkan suasana mesra perniagaan serta meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan di Malaysia. Antara inisiatif-inisiatif yang dijalankan adalah mengurangkan tempoh pendaftaran hartanah kepada 1 hari berbanding 41 hari sebelum ini, mengurangkan masa yang diperlukan untuk memulakan syarikat kepada 3 hari berbanding 11 hari sebelum ini dan usaha-usaha bagi memudahkan pengambilan pekerja berpengetahuan (*knowledge workers*) seperti kelulusan automatik bagi pegawai dagang berpendapatan melebihi RM 8,000 sebulan dan membenarkan mereka memohon status Pemastautin Tetap selepas menetap di Malaysia selama 5 tahun;
- iii. Program pembaharuan ekonomi melalui Model Baru Ekonomi (MBE) dan lapan inisiatif pembaharuan strategik (*Strategic Reform Initiatives*) untuk mempastikan momentum pertumbuhan dapat dipercepatkan melalui pendekatan yang holistik dan seterusnya mencapai pembangunan mapan;

- iv. Memberi fokus kepada sektor utama melalui Aktiviti Utama Ekonomi Nasional (NKEA) iaitu 12 bidang utama di mana ekonomi negara mempunyai potensi untuk terus maju ke arah negara berpendapatan tinggi; dan
- v. Meningkatkan keyakinan pelabur asing dan tempatan untuk terus melabur di Malaysia termasuk juga di Koridor Wilayah melalui misi perdagangan dan pelaburan, misi projek spesifik dan seminar pelaburan tempatan. Kerajaan akan mengambil pendekatan berfokus ataupun *targeted approach* dengan izin, dengan sasaran untuk menarik syarikat-syarikat terkemuka khususnya dalam sektor berteknologi tinggi untuk melabur di Malaysia.

Adalah diharapkan melalui program-program yang telah dan sedang dijalankan oleh kerajaan ini akan dapat mempertingkatkan lagi kedudukan daya saing Malaysia di masa akan datang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGUMA JOSEPH PAIRIN**

**KITINGAN [KENINGAU]  
TARIKH : 30 MAC 2011 (RABU)**

**NO SOALAN : 37**

**SOALAN**

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [ Keningau ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah kriteria untuk melayakkan warga asing mendapat kad IMM13 dan adakah pemilik kad tersebut dan anak-anak mereka yang lahir di negeri Sabah layak untuk menetap di negeri Sabah.

**JAWAPAN**

**YB. DATUK SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Pelarian perang Filipina yang memegang dokumen IMM13 dibenarkan tinggal di Sabah sebagai pelarian, termasuk anak-anak mereka, sehingga kerajaan memutuskan berkenaan status kebenaran tinggal mereka ini di Sabah. Dokumen IMM13 adalah dokumen Imigresen yang dikeluarkan bukan sahaja kepada pelarian perang Filipina tetapi kepada warga asing lain yang layak mengikut peraturan dokumen IMM 13 itu sendiri. Namun, di Sabah dokumen IMM 13 dikeluarkan khusus untuk pelarian perang Filipina di bawah Perintah Pasport (Pengecualian) (2) (Pindaan 1972).

Sekian, terima kasih.

KK/BP(1.10)294/6-73 SJ.B/(62)

**PEMBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK (RASAH)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 30.03.2011**

Tuan Loke Siew Fook (Rasah) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah kutipan cukai judi daripada setiap syarikat perjudian di Malaysia untuk tahun 2010, sama ada kerajaan telah

**SOALAN NO.: 39**

**menubuhkan Akaun Khas untuk menguruskan hasil tersebut dan bagaimana hasil tersebut dibelanjakan.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah cukai perjudian dan duti pertaruhan yang dikutip daripada syarikat nombor ramalan (NFO) di Malaysia pada tahun 2010 adalah sebanyak RM1,245,533,904.60. Cukai perjudian dan duti pertaruhan tersebut dimasukkan sebagai hasil ke dalam Kumpulan Wang Disatukan dan digunakan sebagai sumber perbelanjaan mengurus dan pembangunan negara yang antaranya termasuk aktiviti serta projek-projek kebajikan dan sosial tanpa disasarkan kepada sesetengah golongan sahaja.

**DEWAN RAKYAT**

**MALAYSIA PERTANYAAN LISAN PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA : IR.HAJI HAMIM BIN SAMURI**

**[LEDANG]**

**TARIKH : 30MAC 2011**

**SOALAN**

Ir. Haji Hamim Bin Samuri [ Ledang ] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan tentang projek tebatan banjir Sungai Muar termasuk melurus sungai tersebut. Apakah langkah-langkah lain yang menyumbang kepada kesan negatif alam sekitar termasuk habitat ke atas projek tersebut.

**SOALAN NO.: 39**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Lembangan Sungai Muar terdiri daripada RTB Segamat dan RTB Pagoh. Cadangan pintasan banjir (pelurusan sungai) di bahagian hilir Pagoh masih dalam penitian teknikal termasuk impak terhadap fauna di kawasan sekitarnya. Berdasarkan hasil semak semula pelan induk tebatan banjir Lembangan Sungai Muar, pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) berpendapat bahawa cadangan meluruskan sungai tidak akan memberi impak ketara terhadap habitat sekitarnya memandangkan bahagian melurus merupakan hanya sebahagian kecil dari keseluruhan panjang sungai.

Namun begitu, semasa pembinaan ada kemungkinan pergerakan enapan dijangka berlaku. Justeru, pelan pengurusan alam sekitar (EMP - environmental management plan) akan dilaksanakan semasa pembinaan supaya habitat tersebut akan pulih ke keadaan asal selepas projek siap. EMP akan memastikan aspek alam sekitar seperti kualiti udara, air dan bunyi berserta kerja-kerja tanah dipantau dan diurus berdasarkan had-had yang dibenarkan dalam akta/peraturan yang sedang dikuatkuasakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

**RAKYAT PERTANYAANJAWAB LISAN**

**DARIPADA : YBTUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI**

**(BAGAN SERAI)**

**TARIKH 30 MAC 2011 (RABU)**

**SOALAN**

**YB Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri (Bagan Serai) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan**

#### **SOALAN NO. 40**

apakah langkah-langkah bagi membantu para ibu bekerja yang terpaksa memberikan susu tepung biasa kepada bayi di bawah umur satu tahun, walhal susu formula yang sangat tinggi harganya yang patut diberikan.

#### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menyediakan pelbagai sistem sokongan bagi membantu golongan yang berkeperluan khususnya ibu bapa yang tidak berkemampuan.

Bagi para ibu yang bekerja dan mempunyai tanggungan anak-anak kecil, mereka boleh dipertimbangkan bantuan kewangan yang bersesuaian sekiranya memenuhi kriteria kelayakan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) seperti berikut:

1. Warganegara Malaysia dan bermastautin di Malaysia ;
2. Pendapatan isi rumah berada di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) iaitu RM720 di Semenanjung, RM830 di Sarawak dan RM960 di Sabah dan Labuan; dan
3. Terdiri daripada golongan yang tidak berkemampuan dan berkeperluan.

Sehubungan itu, sekiranya pendapatan tetap yang mereka terima berada di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan dan mereka termasuk di dalam golongan yang tidak berkemampuan dan berkeperluan, maka JKM boleh menimbang permohonan mereka untuk mendapat bantuan kebajikan seterusnya membantu mereka

menguruskan keperluan anak-anak mereka.

Selain daripada itu, KPWKM melalui *National Key Economic Areas* (NKEA) di bawah Program Pendidikan Awal Kanak-kanak (*Early Childcare Education*) menyediakan kemudahan asuhan alternatif di Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) berdaftar kepada ibu-ibu yang bekerja. Melalui pendekatan ini, keluarga yang mempunyai pendapatan isi rumah di bawah RM3,000.00 sebulan dan menghantar anak di TASKA berdaftar layak untuk dipertimbangkan subsidi yuran pengasuhan sebanyak RM180.00 sebulan yang dibayar terus kepada TASKA berkenaan. Oleh itu ibu bapa hanya perlu membayar baki bayaran bulanan yang ditetapkan oleh TASKA.

Selain itu, di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara meningkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah, salah satu inisiatif yang telah dijalankan untuk membantu golongan berpendapatan rendah dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia adalah pemberian bakul nutrisi makanan kepada Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan (KZM) yang telah didaftarkan di seluruh negara. Sehingga kini seramai



11, 802 kanak-kanak KZM telah mendapat manfaat daripada program ini di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Pemberian bakul nutrisi makanan ini bertujuan untuk meningkatkan taraf pemakanan kanak-kanak daripada golongan berpendapatan rendah. Bakul nutrisi ini juga mengandungi makanan yang seimbang dan zat yang mencukupi bagi tumbesaran kanak-kanak termasuk susu formula khas. Sehubungan itu, bagi golongan yang memerlukan bantuan bakul nutrisi ini boleh mendapatkan maklumat lanjut dan membuat pemeriksaan kesihatan di klinik-klinik kesihatan kerajaan.

Keprihatinan Kerajaan ini diharap dapat membantu masyarakat khususnya ibu bekerja dalam memberikan pengasuhan dan kualiti pemakanan yang terbaik untuk anak-anak mereka.

#### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

##### **RAKYAT PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA                    Y.B. DATO' SERI ONG KA CHUAN**

**KAWASAN                    TANJONG MALIM**

**TARIKH                    :     30 MAC 2011 (RABU)**

SOALAN NO.

**SOALAN:**

**Y.B. DATO' SERI ONG KA CHUAN (TANJONG MALIM)**  
minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini cadangan  
pembinaan jalan yang menghubungkan Ulu Slim di Perak dan Raub di  
Pahang yang akan membawa manfaat yang nyata kepada penduduk-  
penduduk di kedua-dua kawasan tersebut.



JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sememangnya mengambil maklum mengenai keperluan membina sebuah jalan raya baru yang menghubungkan Ulu Slim, (Laluan A199) di Batang Padang, Perak ke Pos Buntu, Raub, Pahang. Skop projek ini melibatkan pembinaan jalan baru dengan standard piawai JKR R5 2 lorong 2 hala sepanjang 30 kilometer dengan anggaran kos sebanyak RM100 juta.

Projek ini sememangnya telah dipohon untuk dilaksanakan sebagai antara projek berkeutamaan tinggi Kementerian Kerja Raya dalam tempoh RMKe-10. Walau bagaimanapun ia terpaksa ditangguhkan pelaksanaannya berikutan peruntukan Kerajaan yang terhad. Sehubungan itu, kementerian ini akan berusaha dan mengambil langkah-langkah proaktif untuk berbincang dengan Unit Perancang Ekonomi, ] aba tan Perdana Menteri bagi memastikan projek ini diluluskan dalam Tempoh Separuh Kedua RMKe-10.

Sekian. Terima kasih.

**SOALAN NO.**

**42 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN**

**JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH ZURAIDA BT KAMARUDDIN**

**TARIKH 30 MAC 2011 (RABU)**

**SOALAN**

**Y.B. Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah status terkini Deklarasi Sidang Kemuncak Wanita-wanita Pertama 2010 yang telah dihantar ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun lalu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sidang Kemuncak Wanita-Wanita Pertama telah diadakan di Kuala Lumpur dari 11 hingga 13 Oktober 2010 dengan penyertaan sebanyak 28 buah negara. Seramai 14 orang Wanita Pertama, 20 orang Menteri dan 200 orang delegasi asing telah menghadiri Sidang Kemuncak ini.

Sidang Kemuncak ini telah menghasilkan satu deklarasi iaitu *Declaration of the First Ladies Summit “A Child Today, A Leader Tomorrow”* yang telah diterima oleh semua negara peserta. Deklarasi tersebut menggariskan 3 perkara utama yang perlu diberi perhatian dalam pembangunan kepimpinan kanak-kanak iaitu pendidikan, peranan keluarga dan peranan komuniti. Deklarasi tersebut menjadi rangka kerja bagi setiap

JAWAPAN:

negara peserta untuk merancang modul pembangunan kepimpinan kanak-kanak.

Untuk pengetahuan pihak Yang di-Pertua selanjutnya, Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York telah mengemukakan Deklarasi Sidang Kemuncak Wanita-Wanita Pertama 2010 tersebut kepada Presiden Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada 21 Januari 2011. Seterusnya ia telah melalui proses penyelarasan format dan alih bahasa daripada Bahasa Inggeris kepada lima lagi bahasa rasmi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu bahasa Sepanyol, Perancis, Arab, Russia dan Cina (Mandarin) serta diedarkan kepada negara-negara anggota sebagai dokumen rasmi di sesi ke-65 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 15 Mac 2011.

**SOALAN NO: 43**

**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT**

PERTANYAAN	Lisan
DARIPADA TARIKH	TUAN TENG BOON SOON (TEBRAU)
SOALAN	30 Mac 2011
	Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan adakah Kerajaan bercadang membekal atau memberi tanah kepada rakyat untuk penanaman serta penghasilan bahan makanan, supaya negara tidak terlalu bergantung pada negara asing untuk bekalan makanan apabila dunia dilanda krisis kekurangan makanan.

JAWAPAN	oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
---------	--

Tuan Yang Di Pertua,  
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah mengambil tindakan mengenal pasti kawasan-kawasan pengeluaran makanan dan telah dizonkan sebagai Taman Kekal pengeluaran Makanan (TKPM) dan Zon Industri Akuakultur (ZIA) untuk diusahakan oleh syarikat swasta dan individu. Sehingga 31 Disember 2010, sebanyak 56 TKPM seluas 7,131 ha telah dibangunkan melibatkan 891 peserta dan 37 buah syarikat dan 35 ZIA seluas 23,383 ha telah dibangunkan melibatkan 1,555 peserta dan 78 buah syarikat

Selain daripada itu, Kementerian juga telah melaksanakan projek-projek pembangunan tanah terbiar di mana mulai tahun 2007, usaha membangunkan tanah terbiar dilaksanakan melalui Program Kawasan

**SOALAN NO: 43**

Tumpuan Pembangunan



Pertanian (ACDA) yang melibatkan integrasi projek tanaman, ternak air, ternakan dan industri asas tani. Di bawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan (DJBM) 2008 - 2010, Program Pembangunan Tanah Terbiar ini melibatkan keluasan tanah terbiar seluas 3,612.5 ha termasuk Sabah dan Sarawak dengan peserta seramai 3,447 orang.

Begitu juga dengan Program Pemulihan Kolam Terbiar di mana di bawah DJBM, pembangunan kolam terbiar ini meliputi 644.57 ha dengan jumlah peserta seramai 4,736 orang. Kesemua program yang dilakukan oleh Kementerian adalah sebagai usaha bagi memastikan bekalan makanan dalam negara mencukupi dan tidak terlalu bergantung pada negara asing apabila dunia dilanda krisis kekurangan makanan.

Walau bagaimanapun, pemberian tanah-tanah untuk tujuan penghasilan bahan makanan adalah tertakluk kepada dasar-dasar Kerajaan Negeri. Kementerian memang menyokong sebarang usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pengeluaran bahan makanan dalam negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN                                    LISAN**

**DARIPADA                                    TUAN LIM LIP ENG**

**[SEGAMBUT ]**

**TARIKH                                    30 MAC 2011 (RABU)**

**SOALAN**

NO.SOALAN : 44

Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ] minta PERDANA MENTERI menyatakan punca peruntukan yang digunakan untuk sesi pertemuan secara tertutup dengan 62 ADUN BN Sarawak pada Februari dan dengan Ahli-Ahli Parlimen BN pada Januari baru-baru ini. Mengapa pertemuan sedemikian tidak dibuat dengan wakil rakyat pembangkang.

JAWAPAN:      DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
                  MENTERI Di JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Pertemuan secara tertutup seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Segambut itu merupakan pertemuan anjuran Barisan Nasional. Sehubungan itu, peruntukan adalah daripada Barisan Nasional. Sekiranya, Yang Berhormat bertanyakan mengapa pertemuan yang sama

**tidak diadakan bersama wakil rakyat Pembangkang maka ingin saya  
nyatakan pertemuan tersebut akan diadakan sebaik sahaja ahli-ahli Yang  
Berhormat Pembangkang menyertai Barisan Nasional.**

**Sekian, terima kasih.**

Soalan No : 45

## **PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

DARIPADA PE DARIPADA RT  
ANYAAN LISA N  
Y.B. DATUK SERI PANGLIMA WILFRED  
MOJILIP  
BUMBURING  
(TUARAN)

**TARIKH** **30.03.2011**

## **SOALAN:**

**Y.B. DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MOJILIP BUMBURING [ TUARAN ]**  
minta Menteri Pelajaran menyatakan

- (a) sama ada Kerajaan sedar tentang adanya bantahan terhadap kandungan buku teks sejarah yang digunakan oleh pelajar dalam peringkat kelas menengah yang mengandungi kenyataan sejarah yang tidak seimbang dan tidak lengkap dan terlalu banyak mengandungi unsur agama; dan
  - (b) sama ada Kerajaan mempunyai langkah untuk memperbetulkan perkara ini seperti langkah yang diambil untuk menyelesaikan masalah berkaitan dengan buku INTERLOK.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

- a) Seperti yang telah diumumkan pada 23 Oktober 2010 yang lalu, bermula pada tahun 2013, selain mata pelajaran Bahasa Melayu, mata pelajaran Sejarah akan dijadikan mata pelajaran wajib lulus sebagai syarat layak untuk mendapat sijil SPM. Dasar ini selaras dengan hasrat Kerajaan untuk melahirkan generasi insan cemerlang, berkemahiran tinggi, berdaya saing, mempunyai semangat jati diri yang kental serta memiliki semangat patriotik dan nilai kewarganegaraan tulen. Oleh itu,

**Soalan No : 45**

pengetahuan dan penghayatan sejarah merupakan elemen penting dalam usaha

merealisasikan pembinaan negara bangsa ini. Pendedahan pengetahuan sejarah secara serius adalah perlu dalam membentuk pembinaan intelektual, moral serta mampu memupuk perpaduan nasional. Dalam konteks ini, nilai-nilai murni yang dihayati melalui pembelajaran sejarah akan dapat menstabilkan emosi supaya lebih bertoleransi, bertolak ansur, serta memahami dan menghormati keperluan masyarakat majmuk yang menjadi amalan sejak sekian lama di negara ini. Faktor-faktor tersebut perlu ditanam kepada generasi yang bakal menjadi pewaris yang setia kepada negara dan bersedia untuk menghadapi cabaran yang mendatang.

- b) Seperti yang telah diumumkan, Novel Interlok akan digunakan dengan melakukan penambahanbaikan seperti yang dipersetujui oleh pihak-pihak yang berkepentingan.

Rim 77

SOALAN NO. 46

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN JAWAB

LISAN

DARIPADA

## **YB TUAN GOBIND SINGH DEO**

(PUCHONG)

TARIKH

30 MAC 2011 (RABU)

## **SOALAN**

YB Tuan

**KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah Pusat Penjagaan Anak-Anak Yatim dan Orang Uzur di Puchong, lokasi dan bilangan penduduknya serta

Anak Yatim dan Orang Uzur di Puchong, lokasi dan bilangan penduduknya serta

apakah langkah kerajaan untuk membantunya dari segi kewangan dan lain-lain lagi.

**JAWAPAN** Tuan Yang di-Pertua,

**Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) telah diberi tanggungjawab menguatkuasakan Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506] dan Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994.**

Berdasarkan kepada rekod Jabatan, sehingga Januari 2011 terdapat sebanyak 425 buah pusat jagaan yang berdaftar dengan JKM. Daripada jumlah tersebut, 98 buah pusat jagaan terletak di negeri Selangor yang menyediakan perkhidmatan jagaan, perlindungan dan pemulihan kepada kumpulan sasar seperti orang kurang upaya (OKU), kanak-kanak, warga emas dan wanita. Bagi daerah Puchong terdapat 14 buah pusat jagaan kanak-kanak swasta yang menempatkan seramai 255 orang penghuni termasuk anak-anak yatim. Namun begitu, tiada pusat jagaan bagi orang kurang upaya dan orang tua yang berdaftar di daerah Puchong.

Sebagai galakan dan sokongan dalam penyediaan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan kepada kumpulan sasar JKM, Kerajaan menyediakan bantuan kewangan berupa geran tahunan dan khidmat nasihat berhubung pengurusan pertubuhan kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan yang berdaftar bagi memastikan perkhidmatan yang disediakan sentiasa berada di tahap yang baik dan memenuhi keperluan kumpulan sasar.

**NO. SOALAN: 47**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**PERTANYAAN LISAN**

**DARIPADA**

**TUAN LIANG TECK MENG  
[SIMPANG RENGGAM]**

**TARIKH**

**30 MAC 2011 (RABU)**

**SOALAN**

**Y.B. TUAN LIANG TECK MENG [SIMPANG RENGGAM]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kempen-kempen untuk meningkatkan kesedaran awam tentang stesen janakuasa nuklear yang telah, sedang dan akan dijalankan supaya orang awam dapat menerimanya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di Pertua,

Program peningkatan kesedaran awam mengenai teknologi nuklear bermula pada tahun 1972 lagi, susulan daripada penubuhan Pusat Penyelidikan Atom Tun Dr. Ismail (PUSPATI) di Bangi, Selangor. PUSPATI telah ditukarkan namanya kepada Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) yang terletak di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Walau bagaimanapun, tumpuan asal program kesedaran awam ini adalah pada penggunaan teknologi nuklear secara aman dalam pelbagai bidang sosio-ekonomi negara selain daripada penjanaan elektrik.

2. Sejak tahun 2007, program peningkatan kesedaran awam ini telah diperluaskan kepada aspek kuasa nuklear untuk penjanaan elektrik, seperti yang telah dilaksanakan oleh Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) dan juga Tenaga Nasional Berhad (TNB). Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (AELB) di bawah MOSTI sebagai agensi kawalselia, juga telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan aktiviti kesedaran awam mengenai kawalan keselamatan bagi penjanaan kuasa nuklear. Pelaksanaan program peningkatan kesedaran awam ini

disokong oleh Jabatan Penerangan dan juga aktiviti beberapa pertubuhan profesional lain, seperti Persatuan Nuklear Malaysia (MNS).

3. Bagi mempertingkat dan menyelaraskan program peningkatan kesedaran awam mengenai kuasa nuklear, Kerajaan sedang memperincikan satu program yang lebih menyeluruh dan tersusun, melalui perkhidmatan perunding komunikasi yang berpengalaman, mengambilkira insiden ketidakstabilan loji nuklear di Jepun disebabkan oleh gempa bumi baru-baru ini. Tujuan program peningkatan kesedaran awam ini ialah untuk menyampaikan maklumat yang tepat dan objektif kepada masyarakat umum dengan cara yang telus dan bersepadu.
4. Di samping itu, tinjauan pendapat umum dan isu-isu yang sering dibangkitkan oleh pelbagai segmen masyarakat mengenai penggunaan kuasa nuklear akan turut dikenalpasti dalam merangka program yang lebih tersusun ini. Pelaksanaan program ini akan diselaraskan oleh Perbadanan Kuasa Nuklear Malaysia (*Malaysia Nuclear Power Corporation - MNPC*), dengan sokongan agensi-agensi lain yang berkaitan termasuk Agensi Nuklear Malaysia, Lembaga Pelesenan Tenaga Atom, Tenaga Nasional Berhad dan Jabatan Penerangan. Dalam hal ini, Kerajaan akan sentiasa telus dan profesional dalam memberi maklumat mengenai kebaikan dan keburukan teknologi nuklear, demi kepentingan dan kesejahteraan negara.
5. Pelaksanaan program peningkatan kesedaran awam merangkumi penyediaan maklumat mengenai pelbagai aspek kuasa nuklear oleh agensi-agensi berkenaan, serta penganjuran forum, dialog dan ceramah umum, pameran, dan lawatan untuk pelbagai peringkat pihak berkepentingan.
6. Satu program komuniti berkembar di antara komuniti yang bakal menetap di sekitar tapak loji janakuasa nuklear di Malaysia kelak dengan komuniti yang sama di negara-negara lain juga dirancang dan kesemua aktiviti ini akan diselaraskan oleh MNPC.

**NO. SOALAN:**

**48 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN**

**[SELAYANG ]**

**TARIKH : 30 MAC 2011 (RABU)**

**SOALAN**

Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan dividen, keuntungan bersih, modal perbelanjaan (*capital expenditure*), dan wang simpanan (*cash reserves*) yang dicadangkan oleh PETRONAS untuk tahun berakhir Mac 2011, dan adakah dividen tersebut akan mempengaruhi penilaian PETRONAS dan rating kredit dan debit.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PETRONAS telah mengumumkan prestasi kewangannya pada 2 Mac 2011 yang lepas bagi tempoh 9 bulan terakhir iaitu dari

31 Mac 2010 sehingga 31 Disember 2010 adalah seperti berikut:

	Tempoh 9 bulan terakhir iaitu dari 31 Mac 2010 sehingga 31 Disember 2010 (RM juta)
Perolehan ( <i>Revenue</i> )	175,586
Keuntungan bersih	44,294
Modal perbelanjaan ( <i>Capital expenditure</i> )	24,463
Dividen	24,000

	Pada 31 Disember 2010 (RM juta)
Wang simpanan ( <i>cash, fund and other investment</i> )	130,294

\* data bagi tempoh 9 bulan terakhir iaitu dari 31 Mac 2010 sehingga 31 Disember 2010 tidak diaudit

Pembayaran dividen ditentukan oleh Lembaga Pengarah PETRONAS setelah mengambil kira beberapa faktor utama antaranya situasi kewangan semasa dan akan datang. Ini adalah untuk memastikan PETRONAS dapat memberi pulangan yang sewajarnya kepada pemegang ekuiti dan pada masa yang sama memastikan pembiayaan yang cukup untuk perjalanan operasi serta pertumbuhan di masa hadapan.

Maklumat-maklumat bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2011, termasuk jumlah dividen bagi tahun kewangan tersebut hanya akan dapat diketahui setelah laporan- laporan kewangan PETRONAS diaudit dan kebiasaan pada akhir bulan Jun setiap tahun.

Akaun PETRONAS diteliti oleh agensi-agensi penarafan (*rating agencies*) antarabangsa seperti Standard & Poor dan Moody's. Agensi-agensi ini telah memberikan penarafan yang sama atau lebih baik daripada syarikat-syarikat minyak dan gas antarabangsa terkemuka, sekaligus mencerminkan tahap ketelusan dan prestasi kewangan PETRONAS yang tinggi. Prestasi ini telah menjadikan PETRONAS rakan kongsi terpilih oleh syarikat-syarikat antarabangsa yang terkemuka serta diterima baik oleh negara-negara di mana ia beroperasi.

**NO. AUM : 3 NO.**

**AUP : ^**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH**

**[LENGGONG]**

**TARIKH**                   **30 MAC 2011**

**RUJUKAN**               **3432**

**SOALAN:**

**Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [ Lenggong ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan**

- (a)           kes-kes berkaitan jenayah memperdagangkan manusia dalam negara ini. Apakah usaha Kerajaan membendung masalah ini; dan
  
- (b)           usaha Kementerian menghadapi kes-kes kenderaan daripada Thailand yang memasuki negara ini terutama yang melanggar peraturan negara.

**Tuan Yang Dipertua,**

**JAWAPAN:**

**Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Lenggong yang telah mengemukakan pertanyaan.**

**Tuan Yang Dipertua,**

Untuk makluman Ahli yang Berhormat dan Dewan yang Mulia ini, Kerajaan telah dan sedang melaksanakan pelbagai usaha menangani jenayah pemerdagangan orang. Antara langkah utama yang diambil oleh Kerajaan ialah dengan mewujudkan Akta Antipemerdagangan Orang 2007. Akta ini diluluskan pada 24 April 2007 dan berkuat kuasa sepenuhnya pada 28 Februari 2008. Akta ini kemudiannya telah dipinda dengan mendapat kelulusan dari Dewan Rakyat pada 15 Julai 2010 dan Dewan Negara pada 3 Ogos 2010. Akta ini diwartakan pada 30 September 2010 setelah mendapat perkenan Duli Yang Teramat Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada 8 September 2010. Akta Aantipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 telah dikuatkuasakan sepenuhnya pada 15 November 2011.

**Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran yang ditubuhkan di bawah Akta ini mempunyai lima (5) buah jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Perundangan, Jawatankuasa Penguatkuasaan, Jawatankuasa Perlindungan dan Pemulihan Mangsa, Jawatankuasa Media dan Publisiti, serta Jawatankuasa Khas Pemerdagangan Buruh.**

**Semenjak 28 Februari 2008 sehingga 13 Februari 2011, seramai 1,960 mangsa telah diselamatkan dan diberikan perintah perlindungan sementara (IPO) di bawah seksyen 51 (1) Akta Antipemerdagangan Orang 2007. Dari jumlah tersebut, seramai 735 mangsa telah diberikan perintah perlindungan (PO) di bawah seksyen 51 (3) Akta yang sama.**

**Sidang Dewan Yang dihormati,**

**Bagi maksud mencegah dan membanteras gejala pemerdagangan manusia, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai program bina upaya (*capacity building*) kepada anggota penguatkuasaan, perundangan dan kehakiman mengenai pemerdagangan manusia. Kursus-kursus yang diberikan merangkumi pelbagai aspek penguatkuasaan, pendakwaan, perlindungan dan pemulihan mangsa. Taklimat serta risalah mengenai jenayah ini juga telah diedarkan kepada para petugas di pintu-pintu masuk**

utama negara.

Kerajaan menyedari penglibatan dan kerjasama rakyat secara keseluruhan dalam membantu menangani isu pemerdagangan orang adalah amat penting. Justeru itu, program-program kesedaran awam telah diperhebatkan termasuklah menyiarkan poster-poster mengenai jenayah pemerdagangan orang di media-media cetak dan elektronik dalam pelbagai bahasa, memasang *billboard* di laluan utama ke KLIA dan juga pengumuman udara di dalam penerbangan serta Lapangan Terbang Antarabangsa.

Jenayah pemerdagangan orang merupakan satu jenayah rentas sempadan (*transnational crime*). Oleh itu, negara telah mengadakan kerjasama erat dengan beberapa negara luar seperti Australia, Amerika Syarikat, Belanda dan United Kingdom. Negara juga turut bekerjasama dengan beberapa pertubuhan antarabangsa seperti International Organization for Migration (IOM) dan The Center for the Protection of Children's Rights Foundation (CPCR). Skop kerjasama yang dijalankan merangkumi aspek bina upaya (*capacity building*) termasuk latihan dalam bidang penguatkuasan, pendakwaan, pengurusan rumah perlindungan dan pemulihian mangsa pemerdagangan orang.



**Tuan Yang Dipertua,**

Kerajaan juga berusaha melindungi mangsa jenayah pemerdagangan orang dengan menyediakan tempat perlindungan khusus untuk mereka. Pada masa ini, terdapat sebanyak sembilan (9) buah tempat pemulihan yang telah diwartakan di bawah Akta Antipemerdagangan Orang 2007. Lima (5) buah tempat perlindungan ini telah beroperasi manakala empat (4) buah tempat perlindungan sedang dibaik pulih. Statistik pada 21 Februari 2011 menunjukkan bahawa terdapat seramai 120 orang mangsa yang sedang dilindungi di tempat-tempat perlindungan yang disediakan. Mereka terdiri daripada 46 orang lelaki, 65 orang perempuan dan 9 orang kanak-kanak.

**SOALAN NO: 43**  
**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>PERTANYAAN DEWAN RAKYAT</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>JAWAB LISAN</b>
<b>TARIKH</b>	<b>Dato' Henry Sum Agong [ Lawas ]</b>
<b>SOALAN</b>	<b>30 Mac 2011</b>
	Dato' Henry Sum Agong [ Lawas ] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah program galakan dan peningkatan ekonomi yang dijalankan untuk memastikan pendapatan para petani, nelayan dan penternak mencapai sasaran yang ditetapkan.
<b>JAWAPAN</b>	Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui jabatan dan agensi di bawahnya telah menyediakan pelbagai program untuk membantu meningkatkan pendapatan para petani, penternak dan nelayan iaitu:

- i. Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)  
Sehingga kini, sebanyak 57 TKPM telah diwujudkan dan seramai 912 peserta telah menyertai program ini dan 219 peserta mendapat pendapatan bersih melebihi RM3.000 seperti yang disasarkan.
  
- ii. Skim Pinjaman Transformasi Nelayan Tradisional  
Program ini telah membantu seramai 4,729 nelayan sejak tahun 2001 dengan menyediakan pinjaman mudah kepada nelayan bagi pembelian bot dan peralatan baru. Melalui program ini, peserta telah dapat meningkatkan hasil pendapatan antara RM1,000 hingga RM2,500/bulan.

iii. Program Pembangunan Usahawan Industri Asas Tani

**SOALAN NO: 43**

Kementerian telah berjaya mewujudkan seramai 12,000 usahawan melalui Program Pembangunan Usahawan Industri Asas Tani yang dilaksanakan oleh jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Purata pendapatan peserta projek ini adalah RM2,000/bulan.

**Program Komuniti Pengurusan Sumber Perikanan (KPSP)**

Sebanyak 80 Komuniti Pengurusan Sumber Perikanan (KPSP) yang melibatkan hampir 8,000 peserta di seluruh negara telah diwujudkan dan menjalankan bukan sahaja aktiviti pengurusan sumber tetapi juga menjalankan aktiviti ekonomi seperti penjualan ikan segar, pemprosesan, agro-pelancongan, pumbaikan enjin dan bot serta aktiviti pemasaran.

**Program Pasar Nelayan**

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah mewujudkan saluran pasaran bagi membolehkan nelayan memasarkan hasil tangkapan terus kepada pembeli. Sehingga penghujung 2010, sebanyak 24 pasar nelayan telah dibuka dan melibatkan 230 orang peserta. Sebanyak 54% daripada peserta telah mendapat pendapatan tambahan sebanyak RM1,000/bulan dan ke atas. Selebihnya mendapat ' pendapatan tambahan antara RM500 hingga RM1,000/bulan.

**Pengagihan ternakan lembu pedaging dan kambing di bawah Skim TRUST**

Merupakan skim bantuan ternakan yang diberikan kepada para penternak berupa induk lembu dan kambing bertujuan meningkatkan jumlah ternakan. Bantuan maksimum 100 ekor bagi penternakan lembu dan 300 ekor bagi penternakan kambing.

Antara program - program lain yang dilaksanakan adalah seperti:

- a. Jualan Terus melalui Pasar Tani, Gerai Buah - buahan Segar (GBBS) dan Agrobazaar Kedai Rakyat;
- b. Program - program pengukuhan perkhidmatan lembu, kerbau, kambing; industri unggas; industri tenusu; dan genetik ternakan;
- c. Program pengeluaran sumber makanan ternakan; dan
- d. Program pembangunan usahawan industri haiwan.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN PERTANYAAN LISAN  
DARIPADA : TUANDINGKUONGHUNG

**SOALAN NO.: 39**

[SARIKEI]

TARIKH : 30 MAC 2011

SOALAN

Tuan Ding Kuong Hiing [ Sarikei ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan

- (a) Adakah pihak Kementerian bercadang membersihkan, membaiki dan membina semula parit-parit serta membina pintu air di sepanjang Jalan Kelupu dari Pekan Bintangor untuk mengelakkan kerosakan jalan raya akibat takungan air; dan
- (b) jika ya, nyatakan usaha-usaha pihak Kementerian atau sebaliknya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah membaiki sebahagian saliran di dalam Pekan Bintangor pada tahun 2009 menggunakan Peruntukan Projek Mesra Rakyat. Disebabkan peruntukan yang terhad, maka saliran berkenaan tidak dapat dipanjangkan ke Jalan Kelupu.
- (b) Dalam Rancangan Malaysian Kesepuluh (RMKe-10), tidak ada sebarang peruntukan terus untuk projek saliran di Bintangor. Akan tetapi pihak Kerajaan akan berusaha menggunakan peruntukan sediada untuk membaiki sistem saliran sedia ada secara berperingkat dan mengikut keutamaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA

TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG

[ SIBUTI ]

PERTANYAAN

LISAN

**TARIKH**                   **30.03.2011**

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [ Sibuti ] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan bilakah Kerajaan akan melaksanakan projek pembinaan 70 buah rumah mesra rakyat yang dijanjikan oleh Perdana Menteri semasa lawatan ke Parlimen Sibuti Julai 2010.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini seramai 66 pemohon telah dipilih bagi Program Rumah Mesra Rakyat (RMR) yang akan dilaksanakan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) di Kampung Majelin, Kampung Sepupok dan Kampung Ranca-Ranca. Senarai nama pemohon yang berjaya telah pun dikemukakan kepada Kementerian Perumahan Sarawak dan pada masa ini SPNB sedang menunggu kerja-kerja penyediaan infrastruktur disiapkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak sebelum pembinaan rumah dijalankan.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :**       **LISAN**  
**DARIPADA**              **DATO' LILAH BIN YASIN [ JEMPOL ]**

**TARIKH**                  **30 MAC 2011 ( RABU )**

**SOALAN:**

Dato' Lilah bIn Yasin [ Jempol ] meminta PERDANA MENTERI menyatakan:

**NO. SOALAN: 53**

- a) apakah hasil kajian Band 2010; dan
- b) kenapakah data-data penting kajian ekonomi rakyat tidak dibanci

bersama. JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Band Penduduk dan Perumahan 2010 telah selesai dijalankan pada Ogos 2010 yang lalu. Laporan Awalan Band telah diterbitkan pada 22 Disember2010.  
Hasil awalan Band 2010 menunjukkan bahawa jumlah penduduk Malaysia adalah 27.5 juta orang berbanding pada tahun 2000 yang berjumlah 22.1 juta orang. Jumlah Tempat Kediaman dan Isi Rumah pada tahun 2010 masing- masing berjumlah 7.3 juta dan 6.3 juta berbanding 5.5 juta dan 4.8 juta pada tahun 2000.
- b) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, maklumat ekonomi penduduk juga dikutip melalui Band 2010. Antara maklumat tersebut adalah seperti:
  - i) Pendapatan, ii) Pekerjaan, iii) Industri, iv) Taraf pekerjaan, dan v) Jenis pengangkutan ke tempat kerja.

**NO. AUM : J&CT S“V**

**NO. AUP : S"K**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR [ TUMPAT ]**

**TARIKH 30 MAC 2011**

**RUJUKAN 3436**

**SOALAN:**

**Dato' Kamarudin Bin Jaffar [ Tumpat ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan status kajian cadangan pindaan terhadap Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.**

**Tuan Yang Di Pertua,**

**Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan.**

**Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Kerajaan tidak pernah mengenakan kawalan terhadap media atas talian menggunakan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.**

**JAWAPAN:**

Buat masa ini, saya ingin menyatakan bahawa Kementerian Dalam Negeri masih lagi di peringkat awai perbincangan untuk mengkaji semula keberkesanan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, termasuklah kesalahan menyalahgunakan bahan-bahan media cetak dalam saluran atas talian (*on-line*). Usaha ini adalah penting dan bertepatan dengan masa dan keadaan supaya Akta ini terus mantap dan kekal relevan demi memelihara keselamatan dan ketenteraman awam.

**SOALAN 55**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**LISAN**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>MOHAMAD [PULAI]</b>
	<b>30 MAC 2011</b>
<b>TARIKH</b>	<b>Meminta MENTERI</b>
<b>SOALAN</b>	<b>PELANCONGAN menyatakan:</b>

Tindakan kerajaan untuk menggalakkan pelancong dari negara China untuk melancong di dalam negara.

JAWAPAN  
Tuan Yang di-Pertua,

Tahun 2010 telah mencatatkan jumlah pelancong China seramai 1,130,261 orang iaitu peningkatan 10.8% berbanding tahun 2009. Pasaran ini merupakan penyumbang terbesar pelancong asing ke Malaysia di luar negara-negara ASEAN.

Kementerian Pelancongan melalui agensinya Tourism Malaysia yang mempunyai 4 pejabat luar negeri di Beijing, Shanghai, Guangzhou dan Hong Kong serta 1 pejabat wakil pemasaran Tourism Malaysia di Chengdu sentiasa melaksanakan berbagai aktiviti bagi meningkatkan ketibaan pelancong dari negara China seperti berikut:

i- Mengadakan **Misi Galakan Pelancongan** ke bandaraya **utama** di China dan juga bandar **sekunder** (*second-tier city*) terutamanya bandar yang mempunyai penerbangan secara terus ke Malaysia. Melalui misi ini, jaringan kerjasama antara pengusaha-pengusaha pelancongan dapat diperkuatkan. Selain daripada itu, kerjasama akan turut diadakan dengan agen untuk menambah jumlah ketibaan pelancong China melalui operasi penerbangan *Charter* ke Malaysia.

Menyertai **pameran pelancongan utama** di Negara China bersama-sama dengan penggiat industri pelancongan Malaysia dan syarikat penerbangan untuk mempublisitikan dan menjual pakej pelancongan ke Malaysia. Antara pameran utama yang akan disertai pada tahun 2011 adalah seperti

- Guangdong International Travel Fair (GITF) 2011 di Guangzhou pada 24-26 Mac 2011;
- World Travel Fair (WTF) 2011 di Shanghai pada 12-15 Mei 2011;
- Beijing International Travel Expo (BITE) 2011 di Beijing pada 17-19 Jun 2011;
- China International Travel Mart (CITM) 2011 di Kunming pada 27-30 Oktober 2011;

Menganjurkan **prog ram-prog ram promosi yang disasarkan secara langsung kepada konsumen** seperti Malaysia Travel Fair yang khusus untuk meningkatkan minat pelancong dan menjualkan pakej Malaysia kepada pelancong China.

iv- Meningkatkan usaha **mempromosikan Malaysia melalui internet dan media sosial** iaitu blog, facebook, di samping melalui pelbagai media utama bagi kempen pengiklanan di dalam media cetak dan media elektronik seperti pengiklanan di dalam majalah, surat khabar, televisyen dan radio.

v- Meningkatkan **jaringan kerjasama melalui program Mega Fam** di mana wartawan media dibawa untuk menyaksikan acara-acara pelancongan yang dianjurkan di Malaysia serta melawat destinasi pelancongan utama. Program Mega Fam tersebut turut membawa hasil liputan media massa yang luas di China.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN                    LISAN

DARIPADA                    :     TUANMUHAMMADBINHUSAIN

[PASIR PUTEH]

TARIKH                    :     30 MAC2011

SOALAN

Tuan Muhammad bin Husain [ Pasir Puteh ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan kos baik pulih sungai tercemar

yang telah dibelanjakan dan keperluan kewangan jika semua sungai tercemar di negara ini dipulihara sepenuhnya. **SOALAN NO.: 39**

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah dan sedang melaksanakan program /projek pemulihan sungai-sungai yang bermasalah di seluruh negara. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), sejumlah RM 425 juta telah dibelanja untuk melaksanakan kerja-kerja di bawah Program Pemulihan Sungai-Sungai di seluruh Malaysia. Kerja-kerja ini meliputi pembersihan sungai, rawatan air sungai, menaiktaraf sungai dan pemulihan sungai di samping program sampingan seperti program kesedaran serta penwartaan dan pengwartaan rizab sungai.

Sementara itu, sejumlah RM66 juta lagi telah dibelanja untuk pelaksanaan kerja-kerja dalam program Satu Negeri Satu Sungai. Tujuan program ini adalah untuk memulih dan mengembalikan sungai serta persekitarannya yang telah tercemar atau rosak (degraded river) kepada keadaan asal.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos memulihkan sungai tercemar bergantung kepada beberapa faktor seperti panjang sungai, bentuk pencemaran dan aspek pemulihan yang hendak dijalankan. Berdasarkan faktor-faktor ini, anggaran kos untuk memulihkan setiap sungai tercemar ialah antara RM 100 juta hingga RM 400 juta. Pada tahun 2010, daripada 570 sungai yang dipantau oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS), 74 sungai adalah dikategorikan sebagai tercemar. Justeru, keperluan kewangan untuk memulihkan sungai-sungai tercemar di seluruh negara adalah dianggarkan di antara RM 7.4 billion hingga RM 29.6 billion.

Sehubungan dengan itu, pihak JPS akan terus melaksanakan projek-projek pemulihan sungai di bawah RMKe-10 bergantung kepada peruntukan yang diluluskan. Namun begitu, semua pihak termasuk Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan penduduk setempat juga harus memainkan

peranan masing-masing dalam mencegah pencemaran sungai dan sentiasa menjaga kebersihan sungai ke arah pencapaian matlamat sungai yang “hidup, bersih dan bertenaga” (clean, living and vibrant rivers).

Sekian, terima kasih.



**NO. SOALAN: 57**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN**  
**OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN**  
**MALAYSIA**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>DR. LEE BOON CHYE</b>
	<b>[GOPENG]</b>
<b>TARIKH BERSIDANG</b>	<b>30 MAC 2011</b>
<b>SOALAN</b>	

**Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan jumlah dan peratusan rakyat Malaysia yang telah membeli insurans kesihatan dan bila Kerajaan akan mewajibkan rakyat menyumbang caruman insurans kesihatan**

**Tuan Yang Dipertua,**

Pelaksanaan dan pemantauan skim insuran di negara ini termasuk insurans kesihatan swasta adalah di bawah Bank Negara Malaysia [Akta Insurans 1996 (Akta 553) dan Akta Takaful 1984]. Bank Negara Malaysia adalah pengawalselia industri insurans dan takaful sedia ada. Maklumat dari Bank Negara Malaysia menganggarkan seramai 2.6 juta orang atau kira-kira 9% rakyat di

**Malaysia telah membeli insurans kesihatan swasta pada tahun 2009.**

Masa kini, Kementerian Kesihatan sedang merancang ke arah transformasi sistem kesihatan Negara iaitu *1Care for 1 Malaysia*. Transformasi ini melibatkan penstrukturkan semula sistem penyampaian kesihatan yang digabungkan bersama satu mekanisma pembiayaan kesihatan agar iaanya lebih berkesan dan memberi manfaat kepada semua rakyat dari segi kesaksamaan terhadap akses, kemampuan dan responsif terhadap keperluan kesihatan. Perancangan dibuat bersama dan mengambilkira maklumbalas rakyat dan pelbagai pihak yang berkepentingan (*stakeholders*) secara berterusan. Dengan persetujuan kerajaan dan orang ramai, pelaksanaan *1Care* secara berfasa boleh dijalankan dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) dan RMK11.

*1Care* juga melibatkan mekanisma pembiayaan kesihatan Negara yang bersesuaian dan lebih mampan. Ini merupakan kombinasi cukai am (*general taxation*) dan skim insuran kesihatan sosial. Ianya akan memberi liputan perlindungan yang menyeluruh untuk semua golongan masyarakat. Pelaksanaan *1Care* akan dijalankan dalam 4 fasa. Dijangka skim insuran sosial akan mula diperkenalkan pada fasa terakhir *1Care*.

8

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

So  
al  
an  
No

<b>PERTANYAAN</b>	<b>JAWABLISAN</b>	<b>£4</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>YB DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN (TANJONG MANIS)</b>	
<b>TARIKH</b>	<b>30.03.2011</b>	<b>(RABU)</b>

**SOALAN**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan sama ada Kementerian dapat mempertimbangkan dan ada mempergiatkan "cottage industry" di kawasan Parlimen Tanjong Manis untuk membantu menaiktaraf hidup rakyat miskin tegar, miskin dan ibu tunggal yang amat memerlukan bantuan dengan lebih kerap dan giat lagi.

**Jawapan:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW) ada melaksanakan program berbentuk "cottage industry' terutamanya melalui Program Satu Daerah Satu Industri (SDSI). Proses kelulusan projek SDSI adalah melalui pendekatan "bottom up" iaitu permohonan perlulah melalui Pejabat Daerah dan seterusnya mendapat persetujuan daripada Kerajaan Negeri sebelum diangkat ke KKLW untuk pertimbangan.

Berdasarkan semakan KKLW, sehingga kini program ini masih belum dijalankan di Kawasan Tanjung Manis. Sekiranya YB Tanjung Manis mempunyai cadangan projek "cottage industry" yang ingin dibangunkan sebagai projek SDSI, YB Tanjung Manis dipohon untuk berbincang dengan Pejabat Pembangunan Negeri (PPN) Sarawak melalui Pejabat Daerah dan seterusnya dikemukakan kepada KKLW untuk pertimbangan. Insyaallah, jika KKLW mempunyai peruntukan yang mencukupi dan skop projek yang dihantar menepati kriteria SDSI, permohonan tersebut akan diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh Kementerian.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA                  PUAN FONG PO KUAN**

**[ BATU GAJAH ]**

**TARIKH                  30 MAC 2011 (RABU)**

**SOALAN**

Puan Fong Po Kuan [ Batu Gajah ] minta PERDANA MENTERI menyatakan saluran dalam PERMATA untuk *reach out* kepada kanak-kanak miskin untuk membolehkan mereka memperolehi *early childhood education* seperti yang dilaung-laungkan oleh isteri Y.A.B. Perdana Menteri. Nyatakan

**NO SOALAN : 18**

bagaimanakah anak miskin kawasan Parlimen Batu Gajah dapat faedah daripada PERMATA ini.

**JAWAPAN**

**YB. DATUK SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Program PERMATA Negara ditubuhkan untuk menawarkan satu alternatif dalam asuhan dan didikan awal kanak-kanak di bawah umur 4 tahun dan disasarkan kepada keluarga yang berpendapatan rendah di di kawasan pinggir dan luar bandar. Pelan perancangan perluasan Program PERMATA telah mensasarkan untuk menubuhkan sebuah TASKA PERMATA di setiap kawasan parlimen. Walaubagaimanapun pelaksanaannya di setiap kawasan parlimen akan dijalankan secara berperingkat kerana melibatkan peruntukan kewangan yang akan tinggi. Bagi tahun 2010, pelaksanaannya adalah di 3 kawasan parlimen di setiap negeri.

Perluasan pelaksanaan Program PERMATA dijalankan dengan kerjasama pentadbiran Kerajaan Negeri. Di samping itu, perluasan pelaksanaan Program PERMATA juga dijalankan oleh KEMAS bagi kawasan luar bandar dan Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional bagi kawasan pinggir bandar.

**NO SOALAN : 18**

**Sekian. Terima kasih.**

**SOALAN NO : 60**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>JAWAB LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Y.B. TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR</b>
	<b>(KETEREH)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>30.3.2011</b>

**SOALAN**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan jumlah elaun bulanan tetap untuk ketua masyarakat Orang Asli dan berapa ramai yang terlibat serta apakah perbezaan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan Jabatan Kemajuan Orang Asli.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pada pembentangan Bajet 2011 oleh Y.A.B Perdana Menteri mengumumkan bahawa semua Penghulu serta Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) serta Tok Batin Orang Asli akan mendapat imbuhan sebanyak RM800 sebulan. Pemberian elaun RM800 sebulan ini kepada Pengerusi JKKKOA merupakan satu pengiktirafan Kerajaan walaupun sebelum ini tiada elaun khusus diberikan kepada mereka. Begitu juga dengan pemberian elaun Tok Batin turut diiktiraf oleh Kerajaan dengan menerima elaun dari RM200 hingga RM400 mengikut kategori sebelum ini kepada RM800 sebulan.

Imbuhan ini melibatkan seramai 590 orang Tok Batin serta 159 orang Pengerusi JKKK Orang Asli dan pemberian imbuhan ini juga memberi manfaat kepada ahli JKKKOA yang lain yang melibatkan elaun pengendalian dan elaun kehadiran mesyuarat dengan jumlah keseluruhan peruntukan tahunan sebanyak RM9,003,000.00.

Untuk makluman Yang Berhormat, pembentangan bajet tersebut turut juga menyatakan dengan jelas bahawa Jabatan Hal Ehwal Orang Asli perlu disusun semula dan diperkuuhkan dengan memberi nafas baru sebagai Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).

Penjenamaan semula JHEOA kepada JAKOA turut melibatkan peluasan dan peningkatan skop serta perubahan hala tuju daripada era pembangunan kepada kemajuan Orang Asli. Sehubungan itu, JAKOA akan memberi penekanan dan fokus kepada semua program-program pembangunan masyarakat Orang Asli secara inklusif bagi meningkatkan taraf sosioekonomi dan kualiti hidup ke arah kemajuan dengan memartabatkan warisan unggul masyarakat Orang Asli.

Ke arah itu, JAKOA sedang dan telah melakukan pelbagai tindakan pembaharuan termasuk melancarkan logo baru, mengwujudkan visi dan misi baru serta objektif, Penstruktur Semula Perjawatan di semua peringkat serta mengadakan Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli (2011-2015) dalam Rancangan Pembangunan Orang Asli bagi tempoh lima (5) tahun dengan memantapkan program-program pembangunan masyarakat Orang Asli.

**SOALAN NO. 61**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN                    JAWAB**

**LISAN**

**DARIPADA :                    YBTUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON**

(IPOH BARAT)

**TARIKH** **30 MAC 2011 (RABU)**

## **SOALAN**

**YB Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jenis dan jumlah wang yang disalurkan demi kesejahteraan ibu tunggal, warga emas, orang kurang upaya, kes-kes keistimewaan dan golongan yang memerlukan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan perkhidmatan bantuan kebajikan bagi memastikan mereka yang miskin dan memerlukan seperti warga emas, ibu tunggal dan orang kurang upaya dapat dibantu melalui pelbagai skim bantuan yang disediakan. Skim bantuan yang disediakan oleh JKM adalah berdasarkan kepada kategori dan keperluan kumpulan sasar seperti berikut:-

**1. Bantuan Kanak-Kanak (BKK)**

Bantuan yang diberikan kepada keluarga miskin yang memberi jagaan kepada kanak-kanak yang berumur 18 tahun ke bawah dengan kadar RM 100.00 sebulan untuk seorang kanak-kanak dan maksimum RM450.00 sebulan sekeluarga melebihi 4 orang kanak-kanak.

## **Bantuan Orang Tua (BOT)**

Bantuan saraan hidup yang diberikan kepada warga tua berumur 60 tahun ke atas yang

memerlukan bantuan supaya terus tinggal dalam komuniti. Kadar skim bantuan ini adalah sebanyak RM300.00 sebulan seorang.

**Elaun Pekerja Cacat (EPC)**

Merupakan insentif untuk menggalakkan OKU bekerja yang berpendapatan RM1,200.00 ke bawah untuk hidup berdikari dan menjadi ahli masyarakat yang produktif.

**Bantuan Anak Pelihara (BAP)**

Membantu kanak-kanak yang kurang bernasib baik, yatim/yatim piatu, tidak mempunyai saudara mara supaya terus tinggal di dalam masyarakat bersama-sama dengan keluarga pelihara. Kadar bantuan adalah sebanyak RM250.00 sebulan seorang kanak-kanak dan maksimum RM500.00 sebulan sekeluarga yang memelihara dua orang kanak-kanak atau lebih.

**Bantuan Penjagaan OKU Terlantar dan Pesakit Kronik Terlantar (BPT)** Menggalakkan keluarga menjaga OKU terlantar atau pesakit kronik terlantar di samping mengurangkan bebanan perbelanjaan penjagaan keluarga tersebut. Kadar bantuan adalah sebanyak RM300.00 sebulan seorang.

**Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB)**

Membantu saraan OKU yang tidak berupaya bekerja berumur 18 hingga 59 tahun disebabkan faktor-faktor yang munasabah tetapi bukan kerana sikap tidak mahu bekerja. Kadar bantuan adalah sebanyak RM150.00 sebulan.

**7. Bantuan Alat Tiruan/Alat Sokongan (BAT)**

Membantu OKU yang tidak berkemampuan untuk membeli alat tiruan atau alat

sokongan seperti kaki palsu, tangan palsu, kalipers, tongkat tangan/ketiak, kerusi roda, alat pendengaran, cermin mata khas dan lain-lain peralatan yang bersesuaian yang disyorkan oleh pegawai perubatan atau pakar perubatan. Kadar adalah mengikut harga sebenar alat tiruan.

**8. Bantuan Geran Pelancaran (BGP)**

Bantuan yang diberikan bagi menggalakkan klien Jabatan menjadi lebih produktif dan berusaha ke arah hidup berdikari serta meningkatkan taraf hidup mereka berdasarkan minat dan potensi untuk maju dengan menceburi bidang ekonomi. Maksimum bantuan sebanyak RM2,700.00 sekaligus.

**9. Bantuan Latihan Perantis (BLP)**

Membantu klien Jabatan terutama anak-anak penerima bantuan yang tercicir daripada persekolahan dan menganggur serta bekas pelatih Institusi Kebajikan untuk mendapatkan latihan kemahiran atau latihan sambil bekerja. Kadar bantuan sebanyak RM200.00 sebulan seorang.

**10. Bantuan Am (BA)**

Bantuan yang diberikan kepada klien Jabatan yang berkeperluan tetapi tidak sesuai dipertimbangkan bantuan Persekutuan. Kadar bantuan berdasarkan kemampuan kerajaan negeri dengan kadar minimum RM50.00 dan kadar maksimum RM450.00 sebulan sekeluarga.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2010, JKM telah menyalurkan

RM1.18 bilion kepada 417,552 penerima bantuan yang terdiri daripada ibu tunggal, warga emas, orang kurang upaya dan golongan yang memerlukan. Sehingga Januari 2011, sejumlah RM118.6 juta telah disalurkan kepada 405,240 penerima bantuan.

Soalan No  
:62 PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATO <sup>1</sup> HAJI ISMAIL BIN HAJIMOHAMED SAID (KUALA KRAU)
TARIKH	30.03.2011

SOALAN:

Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID [ KUALA KRAU ] minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah jumlah yang telah diperuntukkan kepada Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) dan Program Makanan Tambahan bagi pelajar di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan sentiasa prihatin tentang isu pendidikan terutama kepada murid daripada keluarga miskin dan miskin tegar. Bagi meringankan beban golongan miskin, bantuan persekolahan telah disalurkan kepada murid-murid yang berkelayakan. Antaranya adalah bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) dan Program Rancangan Makanan Tambahan (RMT)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KWAPM telah ditubuhkan pada tahun 2003 di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957. Penubuhan kumpulan ini bertujuan untuk membantu murid miskin meneruskan persekolahan serta menjana kecemerlangan pendidikan mereka. Bagi tahun 2011, seramai 675,526 murid yang memenuhi kriteria pemberian KWAPM. Jumlah peruntukan adalah sebanyak RM200 juta. Selain itu, KPM telah memperuntukan sebanyak RM247 juta bagi Rancangan Makanan Tambahan (RMT) pada tahun 2011 dan bilangan murid yang layak menerima RMT adalah seramai 691,768.

Rjm 78

No. Soalan: f  
PR-000-L42846

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>DEWAN RAKYAT</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>JAWAB LISAN</b>
	<b>DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN</b>
<b>TARIKH</b>	<b>[KOTA BELUD]</b>
<b>SOALAN</b>	<b>30 MAC 2011</b>
	<b>Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan adakah tepat laporan media-media tempatan yang menyatakan bahawa bantuan kemanusiaan diberikan kepada para pelajar serta rakyat Malaysia di Queensland semasa bencana banjir baru-baru ini agak lewat. Jika benar, apakah punca kelewatan tersebut.</b>

**Tuan Yang di-Pertua,  
JAWAPAN:**

**Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Kota Belud di atas soalan yang dikemukakan.**

2. Di dalam bencana banjir yang melanda Queensland, Australia baru-baru ini, Kerajaan telah meluluskan peruntukan melalui Kementerian Pengajian Tinggi sekitar RM 231,425.00 (AUD75,000.00) bagi membantu rakyat Malaysia, yang terdiri kebanyakannya dari kalangan pelajar. Di samping itu, Majlis Keselamatan Negara juga turut memperuntukkan sumbangan dalam usaha untuk membantu mangsa-mangsa banjir tersebut.
  
4. Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Canberra dan Jabatan Penuntut Malaysia (MSD) juga menghulurkan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir. Selain dari itu, badan-badan seperti PETRONAS, MAS, Kelab Putra 1 Malaysia, Biro Antarabangsa UMNO dan Puteri UMNO turut menghulurkan sumbangan dengan bantuan Kementerian Luar Negeri dan Suruhanjaya Tinggi Malaysia di samping sumbangan yang diterima dari orang perseorangan. Di antara bentuk bantuan yang disalurkan selain dari bantuan kemanusiaan termasuk bantuan makanan, komputer riba dan juga wang kepada para pelajar yang menjadi mangsa banjir ini.

5. Pegawai-pegawai dari Suruhanjaya Tinggi Malaysia, Konsulat dan MSD telah mengunjungi kawasan yang terlibat serta mengadakan perjumpaan dengan pelajar-pelajar serta keluarga mereka. Pegawai-pegawai tersebut juga telah mengadakan perbincangan dan bekerjasama dengan Konsul Kehormat Malaysia di Australia, pihak universiti dan juga Jawatankuasa Bantuan Bencana Banjir penuntut Malaysia, dengan izin, *Flood Relief Committee* dalam usaha menangani bencana ini. Pegawai-pegawai dari Suruhanjaya Tinggi Malaysia dan MSD juga telah pergi secara bergilir-gilir bagi membantu dan mengelola bilik operasi bencana banjir bersama-sama penuntut Malaysia

Tuan Yang di-Pertua,

6. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bencana banjir tersebut merupakan yang terburuk pernah berlaku di Australia dalam tempoh lebih dari lima (5) dekad. Oleh yang demikian, semua Perwakilan Asing di Australia telah dinasihatkan oleh pihak berkuasa Australia supaya tidak memasuki kawasan bencana agar pihak berwajib dapat melakukan tugas-tugas membantu dan menyelamat mangsa-mangsa banjir dengan lancar. Ini juga bagi mengelakkan daripada kejadian atau kemalangan yang tidak diingini dari berlaku.

7. Pegawai-pegawai hanya dibenarkan untuk pergi ke Queensland selepas banjir surut dan jalan-jalan raya kembali dibuka. Namun begitu, para pelajar dan rakyat Malaysia di Queensland telah dihubungi bagi mendapatkan perkembangan dan sukacita dinyatakan semua pelajar dan rakyat Malaysia dimaklumkan selamat serta tiada kemalangan jiwa dilaporkan. Mereka

**juga telah dinasihati agar menjaga keselamatan diri serta mematuhi segala arahan pihak berkuasa Australia.**

**8. Justeru, laporan-laporan yang mengatakan bahawa Kerajaan Malaysia lambat bertindak dalam memberi bantuan kepada rakyat Malaysia adalah tidak benar.**

**Sekian, terima kasih.**



**Soalan No : 64**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN TAN TEE BENG (NIBONG TEBAL)
TARIKH	30.03.2011

**SOALAN:**

Y.B. TUAN TAN TEE BENG [ NIBONG TEBAL ] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada rancangan untuk memperkenalkan subjek 1 Malaysia dalam kurikulum selaras dengan hasrat Kerajaan bagi melahirkan Bangsa Malaysia yang lebih berdaya tahan dalam menghadapi pelbagai cabaran yang dibawa oleh arus globalisasi, termasuk dalam bidang sosial, ekonomi dan politik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Gagasan 1 Malaysia yang dicetuskan oleh Y.A.B. Perdana Menteri adalah untuk meningkatkan perpaduan kaum di Malaysia. Aspek pertama adalah menerapkan teras-teras perpaduan manakala aspek kedua adalah penerapan nilai-nilai aspirasi. Sehubungan itu, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah bertindak dengan proaktif dengan menyerapkannya dalam kurikulum dan kokurikulum. Sebagai contoh, gagasan 1 Malaysia difokuskan dalam tajuk-tajuk tertentu di dalam mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan, Pendidikan Moral dan Sejarah. Melalui mata pelajaran ini, nilai-nilai murni masyarakat Malaysia yang didokong oleh semua agama di Malaysia didedahkan kepada semua murid bertujuan untuk mewujudkan semangat perpaduan, saling menghormati dan saling bekerjasama dalam

kalangan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa selaras dengan Gagasan 1 Malaysia. Semangat 1 Malaysia akan diteruskan merangkumi aspek-aspek lain termasuklah perjawatan dan sebagainya.

Selain dari itu, KPM juga telah menerapkan perpaduan dan nilai-nilai aspirasi dalam kalangan murid pelbagai kaum menerusi Teras Pertama Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP 2006-2010) iaitu Membina Negara Bangsa yang direalisasikan melalui Program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP). Program ini melibatkan pelaksanaan aktiviti bersama antara pelbagai aliran sekolah di negara ini, iaitu Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), agar nilai integrasi dan semangat perpaduan kaum dapat dipupuk dalam kalangan murid sekolah.

Selain daripada aktiviti-aktiviti bersama yang melibatkan pelbagai aliran sekolah seperti sukan dan permainan, lawatan dan perkhemahan, perayaan dan perhimpunan serta aktiviti untuk kecemerlangan akademik, RIMUP juga memberi ruang kepada penglibatan masyarakat setempat dan ibu bapa di peringkat perancangan dan pelaksanaan. Aktiviti-aktiviti bersama yang dianjurkan di bawah RIMUP juga mampu menyemai sikap kerjasama, tolong-menolong dalam suasana muhibah dalam kalangan pelajar daripada aliran sekolah yang berbeza.

KPM amat yakin bahawa semua program dan aktiviti ini bukan sahaja dapat melahirkan generasi muda yang berupaya membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian, tetapi mewujudkan satu jambatan yang menghubungkan sekolah-sekolah pelbagai aliran di bawah satu aspirasi nasional yang sama.

**Soalan No : 64**

Rjm 79